# MANUAL PENGURUSAN
# ZAKAT PERBANKAN

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI

**Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)**
**Jabatan Perdana Menteri**
**www.jawhar.gov.my**

Cetakan Pertama ... 2010
© Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

**Hak Cipta Terpelihara**

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Aras 7, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62502 PUTRAJAYA**
Tel: 603-8883 7400  Faks: 603-8883 7406

Dicetak oleh:
Najjah One Trading & Services
18. Jalan Setia, Desa Seri Melor 2
Sg. Merab Luar
43000 Kajang
**SELANGOR**
Tel: 603-8926 9896  Faks: 603-8926 9897



***PERUTUSAN***

*YB. MENTERI*

*DI JABATAN PERDANA MENTERI*

**السلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

إن الحمد لله، نحمده ونستعينه ونستغفره، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا وسيئات أعمالنا، من يهد الله فلا مضل له، ومن يضلل فلا هادي له، وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمدًا عبده ورسوله صلوات الله وسلامه عليه وعلى آله وصحبه، ومن اهتدى بهديه إلى يوم الدين.

Segala puji bagi Allah S.W.T. pemerintah sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. yang memiliki akhlak yang terpuji dan menjadi ikutan sepanjang zaman. Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan dan rahmatNya, saya berkesempatan merakamkan sepatah dua kata dalam Manual Pengurusan Zakat Perbankan (MPZP) yang diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) ini. Sekalung ucapan tahniah dirakamkan kepada JAWHAR kerana dengan usaha yang tekun dapat menerbitkan MPZP dengan harapan ianya akan dapat dijadikan panduan pengiraan zakat oleh institusi kewangan, khususnya institusi perbankan, InsyaAllah.

Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima dan menjadi sumber kewangan yang telah dibuat ketetapan oleh Allah S.W.T. sebagai asas keseimbangan kehidupan hambaNya. Perintah kewajipan berzakat

memberi kesan positif bukan sahaja kepada individu yang mengeluarkan zakat, tetapi juga kepada penyuburan harta, keutuhan ekonomi, kestabilan politik, kerukunan ummah dan kesejahteraan negara.

Kesedaran di kalangan masyarakat untuk melanggan produk-produk kewangan yang bercirikan prinsip Islam mewujudkan persaingan penawaran dalam kalangan institusi-institusi kewangan dan perbankan.

Jarang sekali kedengaran institusi perbankan kerugian sebaliknya sentiasa menjana keuntungan. Lebih besar untung mereka, bererti lebih besarlah hak zakat yang wajib ditunaikan. Natijahnya, pengagihan zakat yang lebih meluas kepada lapan golongan asnaf dapat dilaksanakan dengan lebih strategik bagi membangunkan umat Islam.

Menjadi harapan saya agar MPZP ini dapat mereka jadikan asas panduan bagi membantu pihak pengurusan institusi perbankan menyelesaikan isu pengiraan zakat perniagaan di institusi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

والسلام

**SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B)**
**Menteri Di Jabatan Perdana Menteri**



# SEKAPUR SIRIH
## KETUA SETIAUSAHA NEGARA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan izin dan limpah kurniaNya diberi kesempatan kepada saya untuk merakamkan penghargaan kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) atas penerbitan Manual Pengurusan Zakat Perbankan (MPZP) sebagai sebahagian usaha memantapkan tadbir urus terbaik institusi zakat.

Zakat adalah merupakan salah satu sumber pembangunan ekonomi Islam. Kewajipan menunaikan Rukun Islam yang keempat ini, apabila cukup syarat-syaratnya, harus diberikan perhatian kerana mengeluarkan zakat boleh mewujudkan perpaduan dan kesejahteraan hidup masyarakat.

Penerbitan Manual ini adalah sebahagian usaha proaktif JAWHAR dalam melerai permasalahan semasa mengenai zakat khususnya bagi institusi perbankan. Manual ini bukan hanya sekadar satu informasi, malah juga merupakan sumber rujukan bagi Majlis Agama Islam Negeri-negeri, Agensi Mengurus Zakat serta pihak-pihak yang berkaitan dalam membuat pengiraan bayaran zakat secara lebih telus dan berintegriti.

Saya percaya usaha untuk menerbitkan MPZP ini akan dapat memberi nilai tambah serta memenuhi keperluan umum berkenaan kewajipan

berzakat, khususnya dalam pengiraan zakat oleh institusi perbankan. Semoga usaha seumpama ini akan berterusan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan serta kefahaman di kalangan umat Islam berkenaan perkara-perkara yang wajib dilaksanakan mengikut syariat agama, sekali gus beroleh keredhaan Allah S.W.T. jua, InsyaAllah.

Sekian, terima kasih.

والسلام



**TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HASSAN**
**Ketua Setiausaha Negara**



## ***SEULAS PINANG***
*KETUA PENGARAH*
*JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI*
*(JAWHAR)*

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الانبياء والمرسلين وعلى آله وأصحابه أجمعين.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan taufik dan hidayahNya, sebuah lagi manual pengurusan dapat diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Manual Pengurusan Zakat Perbankan (MPZP) ini boleh dijadikan panduan oleh institusi perbankan dalam membuat pengiraan zakat dan membantu semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta Agensi Mengurus Zakat (AMZ) dalam menyeragamkan pengiraan zakat perniagaan yang diterima dari institusi perbankan sekaligus meningkatkan  kecekapan pengurusan zakat di seluruh negara.

Zakat sebagai rukun Islam perlu dimartabatkan bagi memantapkan sosio-ekonomi ummah. Dalam konteks ekonomi, zakat merupakan instrumen penting dalam usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah. Oleh itu, penerokaan berterusan perlu dilakukan bagi mempelbagaikan sumber-sumber baru dalam menambah dana zakat untuk kepentingan ummah.

Zakat perniagaan adalah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada berasaskan perkhidmatan, produk, pertanian dan

sebagainya. Justeru, perniagaan yang disabdakan oleh Baginda Rasulullah S.A.W. sebagai 9/10 daripada sumber rezeki dari aktiviti ekonomi, sudah pasti akan memberi sumbangan besar dalam meningkatkan dana zakat negara.

Institusi perbankan Islam dan konvensional berasaskan syariah antara lain menawarkan produk deposit *Al-Wadiah* dan *Al-Mudharabah* yang banyak dilanggani oleh umat Islam. Namun, masih terdapat sebahagian mereka yang melanggan produk atau kemudahan tersebut sangsi sama ada kewajipan berzakat mereka telah tertunai berikutan daripada penggunaan kaedah pengiraan zakat yang berbeza oleh institusi berkenaan. Justeru, JAWHAR sebagai agensi yang berperanan merancang, menyelaras dan memantau pengukuhan institusi zakat mengambil inisiatif proaktif menerbitkan MPZP sebagai panduan pengiraan zakat perniagaan oleh institusi perbankan. Ia berasaskan prinsip dan kaedah yang digariskan oleh ***Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) sepertimana yang terdapat dalam *Financial Accounting Standard* (FAS) 9.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pegawai-pegawai MAIN, AMZ serta pakar-pakar rujuk JAWHAR yang telah menyumbangkan idea-idea yang bernas, tenaga dan pengalaman sehingga terhasilnya MPZP ini. Penghargaan istimewa dirakamkan kepada Prof. Madya Syed Mohd Ghazali Wafa bin Syed Adwam Wafa sebagai penyumbang utama dalam penghasilan manual ini.

Akhir kalam, sebarang pandangan yang membina amatlah dialu-alukan agar penambahbaikan dalam pengurusan zakat di Malaysia dapat dipertingkatkan dan zakat sebagai salah satu rukun Islam dapat terus dimartabatkan.

Sekian, terima kasih.

والسلام

**DATO' DR. HJ. SOHAIMI HJ. MOHD SALLEH**
**Ketua Pengarah JAWHAR**

** AAOIFI adalah satu organisasi Islam peringkat antarabangsa yang menyediakan perkhidmatan dan penyelidikan berkaitan perakaunan, audit, etika dan piawaian syariah untuk institusi kewangan Islam dan industri. Ia menjadi antara rujukan utama kepada pengamal perakaunan dan perkhidmatan kewangan Islam di seluruh dunia.

# PENGHARGAAN

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang padu dalam menyiapkan Manual Pengurusan Zakat Perbankan (MPZP) ini. Sekalung penghargaan disampaikan kepada semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) di atas penglibatan sejak awal dalam mencari penyelesaian isu taksiran zakat perniagaan oleh institusi perbankan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pakar rujuk utama MPZP, Prof. Madya Syed Mohd Ghazali Wafa bin Syed Adwam Wafa dari *Graduate School of Business*, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), ahli jawatankuasa teknikal yang terdiri daripada Prof. Madya Dato' Dr. Hailani bin Muji Tahir dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dato' Hj. Mohd. Mokhtar bin Shafii, Pengerusi Jawatankuasa Syariah, OCBC Al-Amin Bank Berhad; Tn. Hj. Abd Aziz bin Abu Bakar, Presiden, Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA); Tn. Hj. Tarmili Dulah Kusni, Pengerusi Eksekutif, Afrizan Tarmili Khairul Azhar *Chartered Accountants* (AFTAAS); wakil dari Institut Kewangan dan Perbankan Malaysia (IBFIM); wakil dari Persatuan Industri Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dan pembentang kertas kerja pada mesyuarat kali pertama iaitu Ustaz Ahmad Husni bin Abd. Rahman dari Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi penerbitan MPZP ini.

Semoga kesudian Dato'/Tuan/Puan berkongsi ilmu, kepakaran dan pengalaman dalam merealisasikan penerbitan MPZP ini dinilai sebagai amal soleh di sisi Allah S.W.T. dan mendapat balasan pahala yang berlipat kali ganda, InsyaAllah. *Jazakumullahu Khairan Kathira.*

# ABSTRAK

"Manual Pengurusan Zakat Perbankan" (MPZP) merupakan salah satu terbitan daripada Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang menyediakan rujukan dan panduan kepada institusi perbankan dalam isu penaksiran zakat sekali gus membantu memperkemaskan tadbir urus dalam institusi zakat itu sendiri. Kebanyakan institusi perbankan tidak mempunyai garis panduan yang seragam dalam menaksir Zakat Perniagaan menyebabkan timbul kekeliruan di mana ada sesetengah pihak berpendapat pihak bank telah menjelaskan zakat bagi pihak pendeposit. Justeru, penerbitan manual ini diharap dapat dijadikan panduan oleh institusi perbankan sekali gus menjelaskan kedudukan sebenar taksiran zakat oleh pihak bank dan pendeposit.

Di dalam MPZP ini, setiap bab disusun dan diperkemaskan dengan pengagihan tajuk dan huraian yang jelas. Bab pertama mengandungi latar belakang isu yang dibincangkan, skop manual, kaedah penyediaan manual dan tujuan manual disediakan. Seterusnya, manual ini diperkukuhkan menerusi bab kedua yang menyentuh tentang topik asas dalam zakat perniagaan iaitu kewajipan Zakat Perniagaan, syarat-syarat wajib dan asas taksiran Zakat Perniagaan. Bab ini juga turut menerangkan secara jelas mengenai asas-asas item yang dikenakan dan dikecualikan zakat dalam taksiran Zakat Perniagaan.

Huraian yang lebih terperinci berkenaan taksiran zakat oleh institusi perbankan dikupas secara mendalam di dalam bab ketiga. Kupasan dibuat dengan merujuk kepada *Financial Accounting Standard* (FAS) *9, Accounting And Auditing Organization For Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) berkaitan syarat-syarat Zakat Perniagaan bagi institusi perbankan serta ulasan perbandingan dengan penaksiran di Malaysia. Turut dimuatkan di dalam bab yang sama adalah isu berkaitan dana pendeposit dan pemegang saham serta pandangan tokoh ilmuwan Islam dari sudut syarak berhubung taksiran zakat yang berkaitan dengan perbankan. Kaedah penentuan asas zakat dalam FAS 9, AAOIFI, item-item pelarasan dan formula taksiran Zakat Perbankan turut dibincangkan dalam bab ini dan diperkukuhkan lagi menerusi contoh-contoh pengiraan taksiran zakat oleh institusi perbankan yang dipaparkan dalam bab keempat MPZP ini bagi memudahkan pemahaman semua pihak.

Justeru, penerbitan MPZP ini diharap dapat membantu dalam memberi input yang berguna dan boleh diguna pakai sebagai asas panduan ke arah penyeragaman taksiran Zakat Perniagaan oleh institusi perbankan di negara ini. Semoga usaha ini dapat memperkukuh dan memperkasakan tadbir urus institusi zakat ke arah pembangunan sosio-ekonomi ummah yang lebih gemilang.

# GLOSARI

1. ***Al-Mustaghallat*: Harta tetap yang mengeluarkan hasil.
2. ***Al-Nama'***: Produktif/berkembang.
3. ***Bai' Al-'Inah***: Perjanjian jual dan beli balik aset.
4. ***Bai' Al-Wafa***: Perjanjian jual beli aset dengan hak membeli kembali.
5. ***Bai' Bithaman Ajil***: Perjanjian melibatkan transaksi penjualan dan pembelian bagi pembiayaan aset atas dasar tertangguh dan ansuran dengan tempoh pembayaran yang telah dipersetujui terlebih dahulu.
6. ***Deputi Wadiah***: Simpanan keselamatan.
7. ***Fuqaha***: Ulama' fekah.
8. ***Haul***: Tempoh satu tahun/354 hari mengikut tahun Hijrah atau 365 hari mengikut tahun Masihi.
9. ***Hibah***: Ganjaran; pemberian hadiah secara sukarela sebagai balasan kepada manfaat yang diterima.
10. ***Istisna'a* (إستصناع)**: Kontrak pesanan belian aset yang mana penjual membuat pesanan untuk membeli sesuatu aset untuk diserahkan pada masa akan datang.
11. ***Laba***: Untung.
12. ***Mal-Mustafad***: Harta perolehan.
13. ***Mudharabah***: Kontrak perkongsian keuntungan antara pemodal dan pengusaha.
14. ***Muhibbah***: Aset tidak ketara yang biasanya merupakan lebihan nilai syarikat berbanding nilai aset ketara.
15. ***Musyarakah***: Usaha sama / perkongsian perniagaan untuk mendapatkan keuntungan.

16. ***Nisab*****:** Paras nilai minima harta/barangan yang menentukan sama ada wajib atau tidak sesuatu harta dikeluarkan zakat.

17. ***Riba*****:** Amaun yang dibayar atau diterima melebihi prinsipal dalam kontrak pinjaman.

18. ***Sahib Al-Mal*****:** Pemilik dana.

19. ***Syar'iyyah*****:** Sesuatu yang disyariatkan.

20. ***Salam*****:** Kontrak yang mana pembayaran dibuat secara tunai pada masa kontrak tetapi pemberian aset yang dibeli tertangguh kepada satu tarikh yang telah ditetapkan terlebih dahulu.

21. ***Urfiyyah*****:** Kebiasaan amalan/pemakaian dalam sesuatu tempat dan ketika.

22. ***Wadiah*****:** Simpanan/kontrak menyimpan sesuatu barang atau harta sebagai amanah.

# KANDUNGAN


**PERUTUSAN YB. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**SEKAPUR SIRIH YBHG. KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**SEULAS PINANG KETUA PENGARAH JAWHAR**

**PENGHARGAAN**

**ABSTRAK**

**GLOSARI**

**BAB 1: PENDAHULUAN**

| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang | 2 |
| 1.3 | Skop | 5 |
| 1.4 | Kaedah Penyediaan | 5 |
| 1.5 | Tujuan Manual | 5 |
| 1.6 | Rumusan | 6 |

**BAB 2: ZAKAT PERNIAGAAN**

| | | |
|---|---|---|
| 2.1 | Pengenalan | 7 |
| 2.2 | Kewajipan Zakat Perniagaan | 8 |
| 2.3 | Syarat-syarat Wajib Zakat Perniagaan | 9 |
| 2.4 | Aset Dalam Perniagaan | 13 |
| 2.5 | Asas Penaksiran Zakat Perniagaan | 15 |
| 2.6 | Asas Bagi Item-item Yang Dikenakan dan Dikecualikan Zakat | 17 |
| 2.7 | Rumusan | 20 |

**BAB 3: ZAKAT PERNIAGAAN BAGI INSTITUSI PERBANKAN**

| | | |
|---|---|---|
| 3.1 | Pengenalan | 22 |
| 3.2 | Syarat-Syarat Zakat Perniagaan Bagi Institusi Perbankan Berasaskan *Financial Accounting Standard (FAS) 9* Berasaskan *Accounting And Auditing Organization For Islamic Financial Institutions (AAOIFI)* Serta Ulasan Perbandingan Dengan Penaksiran Di Malaysia. | 22 |
| 3.3 | Isu Dana Pendeposit Dan Dana Pemegang Saham | 31 |
| 3.4 | Kaedah Penentuan Asas Zakat Dalam *Financial Accounting Standard* (FAS) 9 AAOIFI | 36 |
| 3.5 | Contoh Item Pelarasan Berasaskan Kaedah Taksiran Malaysia (Semua Industri) | 37 |
| 3.6 | Rumusan | 40 |

**BAB 4: CONTOH PENAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN BAGI INSTITUSI PERBANKAN**

| | | |
|---|---|---|
| 4.1 | Pengenalan | 41 |
| 4.2 | Contoh Pengiraan Zakat Perniagaan Bagi Sektor Perbankan | 42 |
| 4.3 | Rumusan | 65 |

**BAB 5: PENUTUP** 67

# BAB 1

## PENDAHULUAN

***Firman Allah S.W.T .:***

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَنفِقُواْ مِن طَيِّبَـٰتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّآ أَخْرَجْنَا لَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ ۖ وَلَا تَيَمَّمُواْ ٱلْخَبِيثَ مِنْهُ تُنفِقُونَ وَلَسْتُم بِـَٔاخِذِيهِ إِلَّآ أَن تُغْمِضُواْ فِيهِ ۚ وَٱعْلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ حَمِيدٌ ﴿٢٦٧﴾

*Mafhumnya:*

*Wahai orang yang beriman belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari muka bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), pada hal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi sentiasa terpuji.*

*(Surah Al-Baqarah, 2 : Ayat 267)*

### 1.1 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan latar belakang dan tujuan penyediaan Manual Pengurusan Zakat Perbankan (MPZP) yang diterbit oleh JAWHAR melalui panel yang dilantik untuk dijadikan sebagai salah satu panduan dan rujukan kepada institusi perbankan dalam isu penaksiran zakat. Bab-bab seterusnya akan menerangkan aspek-aspek hukum, perkara-perkara asas dalam zakat dan kaedah pengiraan berlandaskan hukum syarak. Beberapa contoh diberikan bagi memudah dan menjelaskan lagi pemahaman.

## 1.2 LATAR BELAKANG

Kepesatan kemajuan ekonomi hari ini telah membuka ruang kepada kewujudan sumber-sumber baru dalam ekonomi Islam. Bercambahlah institusi kewangan Islam seperti bank yang berkonsepkan Islam dan bank konvensional yang mematuhi prinsip syariah menawarkan 'Sistem Perbankan Islam' (SPI) dan produk berasaskan syariah kepada masyarakat. Perkembangan yang positif ini telah menarik perhatian para pentadbir zakat untuk meneroka sumber baru sekaligus memperluaskan skop sedia ada dari sumber-sumber bersifat klasik kepada sumber-sumber baru. Kesan daripada perluasan skop zakat, kutipan zakat telah berjaya dipertingkatkan saban tahun sekaligus membolehkan pengagihan yang lebih berkesan dilaksanakan oleh agensi mengurus zakat kepada golongan asnaf yang memerlukan.

**JADUAL 1 - STATISTIK KUTIPAN ZAKAT MENGIKUT NEGERI DARI TAHUN 2005 SEHINGGA 2009**

| *NEGERI* | *2005 (RM)* | *2006 (RM)* | *2007 (RM)* | *2008 (RM)* | *2009 (RM)* | *JUMLAH (RM)* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| *JOHOR* | 49,357,154.03 | 54,732,942.45 | 73,321,840.60 | 100,737,539.76 | 109,231,254.93 | 387,380,731.77 |
| *KEDAH* | 30,185,661.45 | 35,227,089.74 | 36,692,723.92 | 53,202,300.24 | 67,578,342.14 | 222,886,117.49 |
| *KELANTAN* | 29,372,551.46 | 35,641,537.75 | 40,199,886.62 | 58,167,095.10 | 66,522,450.31 | 229,903,521.24 |
| *MELAKA* | 17,692,093.97 | 19,464,653.26 | 22,067,022.30 | 26,905,934.29 | 30,721,960.12 | 116,851,663.94 |
| *N. SEMBILAN* | 23,098,180.81 | 25,821,205.04 | 29,356,271.66 | 37,409,710.68 | 42,275,136.39 | 157,960,504.58 |
| *P.PINANG* | 28,000,426.00 | 30,589,545.62 | 37,085,282.33 | 41,764,273.00 | 47,952,153.34 | 185,391,680.29 |
| *PAHANG* | 31,032,233.57 | 35,971,733.59 | 41,487,155.81 | 57,935,146.89 | 71,868,302.65 | 238,294,572.51 |
| *PERAK* | 27,543,535.48 | 33,848,479.38 | 41,276,179.92 | 56,962,446.06 | 67,189,291.45 | 226,819,932.29 |
| *PERLIS* | 6,564,465.08 | 11,847,141.66 | 16,699,600.00 | 23,134,583.00 | 25,253,015.10 | 83,498,804.84 |
| *SABAH* | 11,314,073.92 | 16,648,793.71 | 17,514,982.50 | 23,799,155.06 | 25,388,088.73 | 94,665,093.92 |
| *SARAWAK* | 15,299,300.04 | 20,548,322.81 | 23,132,088.56 | 36,099,969.34 | 36,915,094.91 | 131,994,775.66 |
| *SELANGOR* | 133,121,829.00 | 159,836,252.79 | 202,193,541.00 | 244,409,624.00 | 283,648,720.00 | 1,023,209,966.79 |
| *TERENGGANU* | 40,365,590.96 | 42,870,576.42 | 51,442,341.96 | 66,200,415.14 | 73,524,193.31 | 274,403,117.79 |
| *W.PERSEKUTUAN* | 130,141,209.97 | 147,587,898.48 | 173,815,154.35 | 211,364,697.68 | 248,803,798.22 | 911,712,758.70 |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| ***JUMLAH*** | ***573,088,305.74*** | ***670,636,172.70*** | ***806,284,071.53*** | ***1,038,092,890.24*** | ***1,196,871,801.60*** | ***4,284,973,241.81*** |
| ***PERTAMBAHAN*** | ***99,819,212.18*** | ***97,547,866.96*** | ***135,647,898.83*** | ***367,456,717.54*** | ***390,587,730.07*** | |
| ***PERATUS (%)*** | ***21.09*** | ***17.02*** | ***20.23*** | ***54.79*** | ***48.44*** | |

***Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP***

## JADUAL 2 - STATISTIK AGIHAN ZAKAT MENGIKUT NEGERI DARI TAHUN 2005 SEHINGGA 2009

| NEGERI | 2005 (RM) | 2006 (RM) | 2007 (RM) | 2008 (RM) | 2009 (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **JOHOR** | 37,472,092.94 | 43,407,348.96 | 64,822,119.99 | 74,296,449.99 | 97,419,659.56 | 317,417,671.44 |
| **KEDAH** | 20,207,371.53 | 27,449,471.23 | 36,062,046.00 | 42,133,197.23 | 56,000,795.90 | 181,852,881.89 |
| **KELANTAN** | 20,207,371.53 | 21,742,632.63 | 24,313,030.07 | 25,302,009.32 | 56,478,842.33 | 148,043,885.88 |
| **MELAKA** | 13,821,995.65 | 18,192,093.87 | 17,906,956.03 | 20,723,735.56 | 32,157,484.91 | 102,802,266.02 |
| **N. SEMBILAN** | 22,254,227.84 | 24,721,037.54 | 31,192,172.08 | 36,818,211.08 | 41,211,752.35 | 156,197,400.89 |
| **P.PINANG** | 21,340,846.00 | 26,253,904.27 | 30,014,842.80 | 45,602,321.00 | 51,861,561.23 | 175,073,475.30 |
| **PAHANG** | 13,696,293.87 | 18,546,514.93 | 22,476,848.26 | 22,227,762.00 | 46,753,309.00 | 123,700,728.06 |
| **PERAK** | 21,542,089.40 | 24,518,926.74 | 30,866,753.94 | 36,641,667.98 | 59,965,762.27 | 173,535,200.33 |
| **PERLIS** | 5,356,243.00 | 6,802,349.80 | 11,597,569.00 | 15,852,621.00 | 26,754,490.65 | 66,363,273.45 |
| **SABAH** | 8,986,021.58 | 12,219,804.93 | 18,826,422.19 | 19,377,446.77 | 24,365,651.48 | 83,775,346.95 |
| **SARAWAK** | 6,540,235.85 | 8,051,103.63 | 11,613,203.32 | 18,077,692.10 | 23,640,627.11 | 67,922,862.01 |
| **SELANGOR** | 101,536,521.16 | 135,654,172.31 | 174,520,087.27 | 188,998,771.00 | 276,622,582.02 | 877,332,133.76 |
| **TERENGGANU** | 28,052,565.11 | 28,695,239.72 | 31,759,421.50 | 35,808,596.88 | 52,578,584.77 | 176,894,407.98 |
| **W.PERSEKUTUAN** | 99,519,005.36 | 101,548,407.00 | 121,224,318.69 | 167,507,847.62 | 174,986,013.00 | 664,785,591.67 |
| **JUMLAH** | **420,532,880.82** | **497,803,007.56** | **627,195,791.14** | **749,368,329.53** | **1,020,797,116.58** | **3,315,697,125.63** |
| **Pertambahan** | **70,033,015.61** | **77,270,126.74** | **129,392,783.58** | **251,565,321.97** | **271,428,787.05** | |
| **Peratus (%)** | **19.98** | **18.37** | **25.99** | **50.54** | **43.28** | |

***Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP***

Berdasarkan statistik yang ditunjukkan dalam **Jadual 1** dan **Jadual 2**, peningkatan kutipan dan agihan zakat dari tahun 2005 sehingga 2009 telah dicatatkan oleh semua negeri di Malaysia. Peratus tertinggi bagi peningkatan kutipan zakat telah dicatatkan pada tahun 2008 di mana kutipan pada tahun tersebut meningkat sebanyak 54.79% berbanding tahun 2007. Sejajar peningkatan dalam jumlah kutipan zakat pada tahun berkenaan, pengagihan zakat yang telah berjaya dibuat melonjak kepada 50.54% berbanding 25.99% pada tahun sebelumnya.

Sepanjang tempoh lima tahun dari 2005 sehingga 2009, jumlah keseluruhan kutipan zakat di seluruh negara adalah berjumlah RM4.28 bilion manakala agihan yang telah dilakukan melibatkan amaun berjumlah RM3.32 bilion. Kutipan zakat paling tinggi dicatatkan oleh negeri Selangor pada tahun 2009 iaitu sebanyak 23.7% (RM2.83 juta) dari jumlah kutipan keseluruhan pada tahun berkenaan. Ini membolehkan agihan terbesar dibuat oleh negeri berkenaan pada tahun yang sama berjumlah 27.1% dari jumlah keseluruhan agihan di seluruh negara.

Pengurusan kewangan tidak dapat lari dari institusi perbankan. Kekeliruan wujud di kalangan orang ramai khususnya pelanggan bank, sama ada wang simpanan mereka telah dikeluarkan zakat oleh pihak bank atau adakah mereka sendiri perlu membayar zakat ke atas wang simpanan mereka yang didepositkan di bank-bank berkenaan. Kekeliruan ini timbul berikutan dari kenyataan yang menyatakan bahawa pihak bank telah mengambil kira simpanan pelanggan dan melunaskan zakat bagi pihak mereka, manakala sebahagian lain menyatakan tidak mengambil kira simpanan pelanggan dalam pembayaran zakat dan dengan itu pelanggan sendiri perlu menunaikan tanggungjawab membayar zakat mereka.

Selain itu, isu kaedah kiraan atau taksiran zakat perniagaan bagi institusi perbankan turut dibangkitkan. Sesetengah institusi perbankan bersandarkan kepada *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) sebagai rujukan syariah bagi menentukan taksiran zakat perniagaan mereka. Manakala sesetengah institusi perbankan lain pula, cara yang dipilih berbeza iaitu sama ada bayaran dikenakan ke atas pendeposit atau pihak bank yang akan terus mendebit dari akaun pendeposit. Oleh yang demikian, bab-bab seterusnya akan menjelaskan proses penaksiran zakat perniagaan bagi institusi perbankan di Malaysia. Secara tidak langsung, individu atau syarikat (pendeposit) dan pemain industri (bank) akan memperolehi

pengetahuan yang lebih jelas sebagai panduan dalam proses pembayaran zakat oleh institusi perbankan.

## 1.3 SKOP

MPZP akan menumpukan kepada kaedah pengiraan zakat perniagaan bagi institusi perbankan di Malaysia. Skop manual ini akan tertumpu kepada cara bagaimana pengiraan zakat dibuat, kaedah penentuan amaun asas pengiraan zakat, item pelarasan dalam pengiraan dan penentuan kadar zakat yang dikenakan bagi sesebuah institusi perbankan.

## 1.4 KAEDAH PENYEDIAAN

Penyediaan Manual ini adalah berasaskan kepada isu yang dibangkitkan oleh Agensi Mengurus Zakat (AMZ) mengenai kemusykilan dan kebimbangan pendeposit yang prihatin sama ada tanggungjawab dan kewajipan atau *taklif* berzakat mereka telah terlepas dengan penunaian zakat oleh pihak institusi perbankan Islam atau sebaliknya *taklif* itu masih belum tertunai lantaran kekeliruan walhal mereka sebenarnya mampu menunaikannya. Akibatnya mereka menanggung dosa kerana tidak menunaikan kewajipan yang menjadi rukun Islam itu.

Natijahnya, JAWHAR telah mengambil inisiatif dengan mengadakan beberapa siri mesyuarat melibatkan pakar-pakar rujuk, wakil institusi kewangan dan penglibatan Majlis Agama Negeri (MAIN) serta Agensi Mengurus Zakat (AMZ) bagi membincangkan isu ini. Hasil daripada beberapa mesyuarat ini, satu jawatankuasa teknikal telah dilantik daripada kalangan pakar rujuk dalam bidang zakat bagi membincangkan kaedah pengiraan zakat perniagaan yang boleh diguna pakai oleh institusi perbankan supaya segala persoalan berkaitannya dapat dirungkai.

## 1.5 TUJUAN MANUAL

MPZP ini dihasilkan antara lain bertujuan untuk:

a. Memberi penjelasan berkenaan kedudukan pembayaran zakat bagi wang para pendeposit di institusi perbankan;

b. Mewujudkan satu panduan pengiraan zakat perniagaan yang seragam bagi institusi perbankan agar dapat menjadi rujukan pelbagai pihak;

a. Menambahbaik dan meningkatkan kecekapan pengurusan zakat di institusi perbankan; dan

b. Berkongsi ilmu pengetahuan berkaitan pelaksanaan pengiraan zakat institusi perbankan dengan pihak-pihak yang berkaitan seperti MAIN, pusat-pusat zakat, institusi kewangan dan perbankan serta masyarakat umum.

## 1.6 RUMUSAN

Penerbitan MPZP ini mempunyai misinya yang besar iaitu bagi memberi penjelasan mengenai isu-isu yang dibangkit dan menyelesaikannya. Manual ini memberi manfaat kepada MAIN, institusi perbankan serta orang awam dan sekaligus dapat membantu meningkatkan tadbir urus zakat sebagai instrumen kewangan yang penting dalam membangun dan meningkatkan tahap sosio-ekonomi ummah umumnya dan membantu asnaf sepertimana yang dipertanggungjawabkan oleh Allah S.W.T.

# BAB 2

# ZAKAT PERNIAGAAN

***Firman Allah S.W.T .:***

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَـٰطِلِ إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَـٰرَةً عَن تَرَاضٍ مِّنكُمْ ۚ وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

*Mafhumnya:*

*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.*

*(Surah An-Nisa', 4 : Ayat 29)*

## 2.1 PENGENALAN

Bab ini akan menjelaskan mengenai kewajipan zakat perniagaan dan syarat-syarat kewajipannya. Di samping itu, turut juga diterangkan mengenai perkara-perkara berkaitan aset dalam perniagaan, jenis-jenisnya, asas-asas penaksiran, item-item yang diwajib dan dikecualikan zakat serta asas-asas pengecualiannya.

## 2.2 KEWAJIPAN ZAKAT PERNIAGAAN

Perniagaan yang ringkasnya ditakrifkan sebagai urusan jual-beli merupakan satu muamalat yang dianjurkan oleh Islam dan ianya merupakan tuntutan fardu kifayah yang perlu ditunaikan umat Islam. Rasulullah S.A.W. di suatu ketika terlibat secara langsung dalam perniagaan dan Baginda sangat menggalakkan penglibatan ummah dalam aktiviti perniagaan kerana ianya merupakan sumber pendapatan terbesar dalam aktiviti ekonomi dan kehidupan manusia sejagat.

Adapun zakat perniagaan adalah merupakan zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada aktiviti perniagaan sama ada yang berasaskan pembuatan, perlombongan, perikanan, perkapalan, pembekalan, pertanian, perkhidmatan atau sebagainya yang dijalankan, sama ada dalam bentuk perniagaan persendirian, perniagaan perkongsian sesama Islam atau dengan bukan Islam, perniagaan secara syarikat, koperasi atau perniagaan saham dan sebagainya. Baginda Rasullullah S.A.W. melalui satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud RMH di dalam Sunannya daripada Samurah bin Jundub R.A. berkata :

فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ – صلى الله عليه وسلم – كَانَ يَأْمُرُنَا أَنْ نُخْرِجَ

الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِى نُعِدُّ لِلْبَيْعِ

Maksudnya:

*“Sesungguhnya Rasulullah menyuruh kami agar mengeluarkan sadaqah (zakat) daripada apa yang kami kira untuk jual beli (perniagaan)”.*

*(Sunan Abu Daud/Kitab Al-Zakat/No.1562)*

Manakala Imam Al-Daruqutni RMH meriwayatkan hadis daripada Abu Zar Al-Ghiffari R.A. yang berkata:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ –صلى الله عليه وسلم– يَقُولُ : فِى الإِبِلِ

صَدَقَتُهَا وَفِى الْغَنَمِ صَدَقَتُهَا وَفِى الْبَقَرِ صَدَقَتُهَا وَفِى الْبَزِّ صَدَقَتُهُ

Maksudnya:

*"Aku telah mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda: pada unta ada zakatnya, pada lembu ada zakatnya, pada kambing ada zakatnya dan pada pakaian (al-baz) yang disediakan untuk jualan ada zakatnya".*

*(Sunan Al-Daruqutni/Kitab Al-Zakat/No.1955)*

## 2.3 SYARAT-SYARAT WAJIB ZAKAT PERNIAGAAN

Setiap urusan perniagaan atau perdagangan diwajibkan zakat apabila mematuhi lima syarat wajipnya seperti berikut:

### 2.3.1 Islam

Zakat hanya diwajibkan ke atas orang-orang Islam sahaja (dan tidak kepada bukan Islam). Ini bererti bahawa dalam perniagaan yang mempunyai pemilikan orang-orang Islam dan bukan Islam, zakat hanya dikenakan ke atas bahagian (*portion*) pemilikan orang Islam sahaja.

### 2.3.2 Milik Sempurna

Hak milik terhadap sesuatu harta itu mestilah sempurna bagi seseorang. Milik sempurna perniagaan membawa maksud memiliki zat sesuatu benda bersama dengan manfaatnya. Ciri-ciri milik sempurna ialah: milik yang bersifat mutlak dan tidak terhad kepada masa dan diberi kuasa serta kebebasan mengguna, menanam modal, menjual dan menghibah, melabur dan mentadbir hartanya yang dimiliki mengikut kehendaknya.

### 2.3.3 Berniat Menjalankan Perniagaan

Zakat perniagaan dikenakan bagi sesuatu aset yang diniatkan untuk perniagaan dengan tujuan mendapatkan keuntungan. Sebaliknya sesuatu aset yang pembeliannya bukan bertujuan untuk diniagakan, maka ia tidak dimasukkan dalam pengiraan zakat. Aset tetap yang digunakan untuk perniagaan tidak dikenakan zakat tetapi hasil dari aset tetap seperti sewaan adalah tertakluk kepada pengiraan dan taksiran zakat. Jika harta tetap dijual, hasil dari penjualan aset tersebut tertakluk kepada taksiran zakat.

### 2.3.4 Cukup Haul

Perniagaan yang dijalankan mestilah tempohnya telah cukup setahun mengikut perkiraan takwim Islam Qamariah iaitu 354 hari. Tempoh haul ini dikira dari tarikh permulaan perniagaan. Bagi modal tambahan dalam tahun perniagaan, haul dikira berasaskan tarikh awal perniagaan atau ibu haul asal. Bagi asas penilaian harta perniagaan, pendapat Imam Syafie ialah mengambil kira keadaan perniagaan akhir haul. Taksiran zakat perniagaan adalah berpandukan kepada kedudukan aset, liabiliti dan modal perniagaan pada akhir haul, iaitu berasaskan kepada Lembaran Imbangan (Kunci Kira-kira). Nilai-nilai yang terdapat di dalam Penyata Kewangan di akhir tahun operasi sesebuah perniagaan adalah digunakan untuk tujuan penaksiran zakat.

### 2.3.5 Cukup Nisab

Harta atau barangan perniagaan mestilah cukup nisab mengikut nilai semasa emas sebanyak 20 miskal (85 gram). Nisab yang dikira adalah lebihan daripada keperluan asas iaitu bersih dari hutang dan keperluan asas pemilik. Namun demikian, menurut pendapat Imam Syafie, tidak ada syarat hutang dalam menentukan sama ada harta tersebut layak nisab atau tidak. Beliau berpendapat hutang jenis kewangan tidak menghalang kewajiban zakat kerana hutang kewangan atas wang adalah sempurna milik. Orang yang berhutang wajib membayar zakat harta wang yang dipinjamnya (haul) sekiranya wang hutang itu berada di bawah pemilikannya di akhir haul.

Dalam membuat taksiran zakat perniagaan, syarat-syarat berikut perlu dipatuhi:

### i. Barangan Atau Harta Halal

Harta yang haram tidak suci dari segi zatnya seperti arak, khinzir dan perniagaan perjudian adalah tidak tertakluk kepada zakat. Terdapat berbagai pihak yang menjalankan urus niaga bercampur aduk antara halal dan haram atau berteraskan riba seperti institusi kewangan konvensional dan Bursa Saham.

Aktiviti perbankan yang ada sumber hasil yang tak suci adalah tertakluk kepada pelarasan bagi mengenal pasti taksiran zakat yang dikenakan.

### ii. Harta Produktif

Harta yang produktif iaitu bersifat *al-nama'*, adalah sesuatu harta yang berupaya menghasilkan pendapatan dan keuntungan. Antara komponen harta yang produktif adalah:

a. Tunai milik sempurna (di tangan/deposit di bank). Di dalam perbankan, tunai dari sumber pemegang saham bank, dana depositor dan/atau dana amanah lain adalah bercampur dan tidak berasingan;

b. Instrumen kewangan yang menepati syariah seperti saham, bon, pegangan sekuriti yang dikelaskan dalam aset semasa. Sekiranya ia dikelaskan sebagai aset tidak semasa maka ia dikecualikan daripada zakat. Pada akaun institusi perbankan, tidak wujud kategori aset semasa dan bukan semasa. Maka penggunaan tunai di bulan terakhir untuk pembelian instrumen kewangan akan tertakluk kepada taksiran zakat;

c. Inventori barang akhir (stok bahan mentah serta kerja dalam proses tidak dikira kerana ia digunakan untuk pengeluaran barang lain). Dalam konteks perbankan di Malaysia, item ini tidak signifikan;

d. Aset tetap industri (bangunan, mesin, peralatan) tidak dikenakan zakat kerana ia satu keperluan dan bukan untuk diniagakan. Namun, wang hasil daripada harta tetap layak dikenakan zakat seperti pendapatan sewaan bangunan dan tanah sekiranya tunai dan berada di dalam haul;

e. Penghutang bersih perdagangan (hutang boleh terima yang telah ditolak hutang ragu/lapuk) boleh dikenakan zakat. Lain-lain penghutang (selain dari penghutang perdagangan) tidak tertakluk kepada zakat kerana tidak menepati prinsip hak milik sempurna. Item penghutang yang besar dalam perbankan adalah penghutang skim pembiayaan;

f. Akaun deposit di bank adalah simpanan amanah dan tidak tertakluk kepada taksiran zakat bank. Pendeposit bertanggungjawab ke atas zakat wang simpanan mereka sendiri dan hanya hasil bersih yang diperolehi oleh institusi perbankan dari pengurusan wang-wang tersebut menjadi pemilikan bank; dan

g. Aset bukan semasa seperti pelaburan jangka panjang, pelaburan dalam syarikat subsidiari, penghutang skim kredit tidak dikenakan zakat kecuali atas dividen atau perolehan yang telah diterima dalam bentuk tunai dan tunai itu berada di akhir haul. Pembelian pelaburan (instrumen ekuiti, hutang, pasaran wang) di bulan terakhir haul dengan wang tunai adalah tertakluk kepada penaksiran zakat.

**iii. Sumber Harta Perniagaan Adalah Melalui Cara Pembelian Atau Tukaran**

Sumber perniagaan boleh berbentuk tunai atau aset lain dan boleh diperolehi daripada modal berbayar, pinjaman ataupun wadiah. Stok niaga yang diperolehi dalam bentuk konsainan ataupun secara kredit perniagaan tidak ditaksirkan zakat. Dana depositor adalah milik sempurna depositor. Zakat perniagaan ditaksirkan atas aset yang dimiliki penuh bank dan memenuhi syarat lain di akhir haul.

**iv. Harta Tidak Dimaksudkan Untuk Kegunaan Sendiri**

Sesuatu harta yang dimiliki untuk kegunaan sendiri tidak tertakluk kepada zakat menurut Imam Syafi'e, Hanbali dan Maliki. Tetapi taksirannya diambil kira dalam pendapatan individu. Di dalam perbankan, item seperti bekalan pejabat adalah untuk kegunaan operasi dan tidak tertakluk kepada taksiran zakat.

**v. Seluruh Harta Tidak Bertukar Menjadi Wang Yang Kurang Daripada Nisab Semasa Haul**

Menurut ulama Shafi'e, jika seluruh harta ditukar kepada wang, sedang ia tidak mencukupi nisab, maka haulnya terputus dan tidak dikenakan zakat. Maka sumber wang tunai yang diperolehi melalui pinjaman, modal saham atau skim pembiayaan adalah milik sempurna dan hanya hutang operasi yang boleh ditolakkan daripada aset semasa.

## 2.4 ASET DALAM PERNIAGAAN

Aset menurut Kamus Dewan dijelaskan sebagai wang tunai dan harta benda seperti tanah, bangunan dan lain-lain. Selain itu, aset merupakan ciri dan sifat istimewa yang bernilai atau berguna kepada seseorang. Oleh itu, aset merupakan salah satu sumber ekonomi dan mempunyai nilai yang tinggi kepada entiti perniagaan dan memberikan manfaat dalam pengendalian pada masa depan atau dapat dijual kepada orang lain.

Dalam perniagaan, aset dikategorikan sebagai sumber ekonomi yang dimiliki oleh seseorang individu atau sesebuah perniagaan atau syarikat. Aset boleh berbentuk hartanah atau barangan yang berharga yang dimiliki dan biasanya boleh digunakan untuk menjelaskan pembayaran hutang. Secara ringkasnya, selain tunai, item aset semasa mudah cair atau senang ditukarkan kepada tunai.

Dalam konteks zakat perniagaan, perlu dikenal pasti jenis-jenis aset yang wajib dikeluarkan zakat dan syarat yang dikenakan.

### 2.4.1 Aset Tetap/Harta Tetap

Ia adalah harta yang dikecualikan daripada zakat. Bagaimanapun, harta tetap yang produktif (*Al-Mustaghallat*) boleh menjadi punca kepada aset tunai melalui sewaan dan penjualan aset berkaitan. Aset tunai adalah tertakluk kepada taksiran zakat.

### 2.4.2 Aset Semasa/Harta Semasa

Semua harta lain yang bukan dari harta tetap dan bukan dari harta bukan semasa atau harta tak zahir adalah dikira harta semasa. Ia juga termasuk pelaburan jangka pendek. Hanya aset semasa yang memenuhi syarat tertakluk kepada penaksiran zakat.

### 2.4.3 Aset Bukan Semasa/Harta Tak Zahir

Sijil saham dalam syarikat yang lain, bon sijil pelaburan, saham, bonus, *muhibbah* (*good will*), paten dan surat-surat berharga yang lain akan disamatarafkan seperti harta tetap yang produktif sekiranya ia tidak untuk diniagakan seperti

barang perniagaan. Di dalam perbankan, penghutang skim pembiayaan mempunyai tempoh yang pendek dan panjang mengikut skim berkaitan.

### 2.4.4 Pelaburan

Pelaburan jangka masa panjang adalah bukan aset semasa, sama ada dalam saham yang diniagakan dan yang tidak diniagakan, dalam syarikat-syarikat bersekutu dan dalam anak-anak syarikat. Hanya pelaburan yang memenuhi syarat-syarat aset semasa sahaja yang akan ditaksirkan zakat.

### 2.4.5 Liabiliti Jangka Pendek/Hutang Semasa

Liabiliti jangka pendek adalah hutang syarikat ke atas pembelian barang perniagaan yang perlu dijelaskan seperti si pemiutang pembekal, tanggungan cukai atau tanggungan perbelanjaan operasi. Hanya liabiliti semasa operasi boleh ditolakkan daripada harta semasa bagi maksud pengiraan nilai zakat. Liabiliti kewangan seperti pajakan modal atau kewangan, hutang pinjaman jangka masa panjang yang akan matang dalam tempoh setahun dan juga liabiliti dividen tidak dibenarkan penolakan. Overdraf juga merupakan salah satu sumber kewangan dan tidak dikelaskan sebagai hutang dagangan dan oleh itu ia tidak dibenarkan sebagai suatu tolakan kepada aset semasa.

### 2.4.6 Liabiliti Jangka Panjang

Liabiliti jangka panjang merupakan tanggungan syarikat kepada pihak yang memberi hutang kepada syarikat bagi meluaskan modal perniagaan seperti pembelian harta tetap atau operasi perniagaan. Ianya merupakan sebahagian daripada sumber modal. Liabiliti kewangan adalah milik sempurna syarikat.

### 2.4.7 Modal Dan Dana Pemegang Saham

Ia melibatkan modal berbayar, akaun premium, rezab hasil, keuntungan atau kerugian terkumpul. Ia dikira sebagai sumber modal perniagaan. Keuntungan semasa adalah rumusan daripada Penyata Untung Rugi dan nilainya diambil kira di dalam nilai keuntungan terkumpul di Kunci Kira-Kira Sumber Modal yang masih berbaki dalam aset semasa akan diambil kira dalam taksiran zakat.

## 2.5 ASAS PENAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN

Taksiran zakat perniagaan adalah dibuat berasaskan kepada modal dan perkembangan atas modal. Sumber modal boleh sahaja disediakan oleh dana pemilik perniagaan, dana dari pelaburan luar dan dana berbentuk pinjaman. Bentuk-bentuk modal ini memberi kuasa penuh kepada pengurusan organisasi untuk menggunakan wang modal itu dalam perniagaan. Sekiranya keseluruhan modal ini digunakan untuk aktiviti mendatangkan hasil secara langsung, maka modal dan keuntungan bersih perniagaan akan tertakluk kepada taksiran zakat sebagai sesuatu harta yang berkembang.

Dalam pada itu, para *fuqaha* Islam telah memahami bahawa sebahagian dari modal itu akan digunakan untuk aktiviti perbelanjaan modal seperti pembinaan kilang, bangunan, pembelian mesin, peralatan dan seumpamanya yang dalam istilahnya disebut sebagai perbelanjaan modal. Syarikat mungkin juga terlibat dalam penubuhan anak-anak syarikat atau pelaburan bukan jangka pendek. Ini bererti, hanya sebahagian sahaja dari sumber modal yang akan digunakan dalam aktiviti langsung perniagaan. Bahagian yang akan digunakan dalam operasi harian perniagaan adalah merupakan modal kerja iaitu aset semasa dan liabiliti semasa.

Dari segi perakaunan, aset semasa menunjukkan kedudukan aset milik perniagaan dari segi undang-undangnya pada tarikh akaun disediakan. Sedangkan liabiliti semasa menunjukkan semua liabiliti yang akan matang dalam tempoh 12 bulan yang akan datang, tanpa membezakan asal liabiliti itu datangnya dari urus niaga operasi atau pun tidak.

Penaksiran zakat adalah bagi tempoh masa perniagaan yang telah berlalu. Oleh yang demikian, yang relevan untuk penaksiran zakat adalah aktiviti perniagaan setahun yang lalu dan sehingga tarikh akaun di tutup. Ini bermaksud bahawa apa-apa liabiliti operasi yang ada kaitan dengan operasi tahun yang telah berlalu adalah dibenarkan untuk ditolak dalam penaksiran. Begitu juga dalam soal berkembangnya modal yang diukur dari nilai keuntungan bersih, adalah dibenarkan tolakan bagi semua kos dan belanja operasi, termasuk yang terakru atau yang belum dijelaskan liabilitinya.

Dengan demikian, penaksiran zakat dapat dibuat dari dua sudut atau kaedah iaitu:

- dari perspektif modal dan perkembangannya; atau
- dari sudut modal kerja.

Dalam perakaunan zakat, istilah untuk kaedah pertama disebut sebagai Kaedah Modal Berkembang *(Urfiyyah)* kerana dari segi uruf atau adatnya, aset-aset tetap ditolak dalam taksiran zakat. Manakala kaedah kedua dinamakan sebagai Kaedah Modal Kerja *(Syar'iyyah)* kerana yang disyariatkan ialah pada barang yang diperniagakan. Kedua-dua pendekatan ini dapat diperjelaskan seperti berikut berasaskan sudut perakaunan.

### 2.5.1 Kaedah Modal Berkembang (*Urfiyyah*)

Kaedah Modal Berkembang ini mengambil kira ekuiti pemilik entiti perniagaan tersebut, sumber-sumber pembiayaan kewangan dan dibuat pelarasan bagi item-item tertentu, sama ada dicampur atau sebaliknya. Di dalam istilah yang lebih ringkas ialah modal dicampurkan dengan keuntungan.

**Modal Terkini** = Modal Pemilik **+** Modal Hutang Kewangan **+** Perkembangan tahunan pada modal (Keuntungan)

### 2.5.2 Kaedah Modal Kerja (*Syar`Iyyah*)

Kaedah Modal Kerja ini mengambil kira kedudukan aset semasa perniagaan, ditolak dengan tanggungan semasa perniagaan dan dibuat pelarasan ke atas beberapa item aset semasa dan tanggungan semasa atas sebab beberapa perkara yang berkaitan dengan zakat yang perlu diambil kira. Pelarasan ini dibuat sama ada dengan mencampurkan item-item yang telah dikenal pasti perlu ditambah ataupun dibuat tolakan.

**Aset Semasa Bersih** = Aset Semasa **–** Liabiliti Semasa Operasi Sahaja

Kedua-dua kaedah ini, sebenarnya akan memberikan taksiran zakat yang sama kerana dari segi perakaunan nilai kedua-duanya adalah diperolehi dari penyata kewangan yang sama.

**PERSAMAAN PERAKAUNAN**

| EKUITI PEMILIK + LIABILITI JANGKA PANJANG – ASET TETAP – ASET BUKAN SEMASA |
|---|

**ADALAH SAMA DENGAN**

| ASET SEMASA – LIABILITI SEMASA |
|---|

| **Kaedah Modal Berkembang (Urfiyyah) = Kaedah Modal Kerja (Syar'iyyah)** |
|---|

Walau bagaimanapun, beberapa pelarasan adalah diperlakukan bagi mengambil kira persoalan pemilikan aset, harta tak bersih, perbezaan liabiliti semasa operasi dan liabiliti kewangan, zakat dua kali, aset yang diniatkan untuk kebajikan dan beberapa keadaan lain yang akan diperjelaskan. Penyata kewangan perniagaan yang ada kini adalah disediakan berpandukan Piawaian Perakaunan di Malaysia dan antarabangsa dan belum mengambil kira keperluan Syarat Taksiran Zakat.

## 2.6 ASAS BAGI ITEM-ITEM YANG DIKENAKAN DAN DIKECUALIKAN ZAKAT

### 2.6.1 Asas Dizakatkan

i. **<u>Sumber</u>**

a. Asas sumber adalah **Milik Sempurna**. Ia meliputi sumbangan modal (musyarakah dan mudharabah); pinjaman kewangan (dari jangka pendek hingga jangka panjang); pembiayaan modal pajakan kewangan, hutang Al Bai' Bithaman Ajil, Bai' al-'Inah, Bai' al-Wafa;

b. Ada juga sumber secara tak langsung seperti penerimaan wang deposit perkhidmatan, wang cagaran, wang pertaruhan dan seumpamanya yang dipegang untuk suatu tempoh, maka ianya memenuhi definisi "**Milik Sempurna**";

c. Apa-apa agihan dari sumber setelah cukup nisab dan haul mesti dibersihkan dengan zakat terlebih dahulu sebelum dividen (termasuk dividen interim), pulangan atas simpanan/yuran dan pemberian honorarium;

d. Sesuatu liabiliti operasi yang tertunggak dari tahun-tahun sebelumnya akan dikira sebagai suatu sumber dan tidak dibenarkan sebagai suatu tolakan liabiliti operasi dalam tahun taksiran semasa; dan

e. Hanya sumber berbaki yang terdapat di dalam aset semasa akan diambil kira dalam taksiran zakat.

### 2.6.2 Asas Dikecualikan Zakat (Tidak Dikenakan Zakat)

**i. <u>Aset Tetap Dan Aset Bukan Semasa</u>**

a. Aset-aset jenis ini dikecualikan kerana ia tidak diniatkan sebagai barang dagangan. Ia diperolehi sama ada sebagai bentuk sumbangan modal, pembelian secara hutang atau bentuk pajakan kewangan;

b. Aset tetap ini boleh juga produktif dan mendatangkan hasil melalui sewaan dan seumpamanya. Aset tetap produktif dinyatakan sebagai *Al-Mustaghallat*;

c. Aset lain yang mempunyai tujuan dan ciri yang sama, seperti pelaburan jangka panjang, juga dikiaskan sebagai aset *Al-Mustaghallat;*

d. Aset bukan semasa yang lain seperti Penghutang Skim Kredit akan tertakluk pada taksiran zakat untuk tahun-tahun ianya dikutip;

e. Aset tak zahir juga tidak tertakluk kepada zakat; dan

f. Penggunaan tunai untuk pembelian aset tetap dan aset bukan semasa di akhir haul akan dicampur kembali bagi taksiran zakat.

ii. **<u>Milik Tidak Sempurna</u>**

a. Dana perniagaan yang diberikan kepada pihak lain dalam bentuk pembiayaan, pelaburan atau pinjaman maka akan mengakibatkan perniagaan "hilang milik sempurna".

Dana pelaburan dan pinjaman produktif akan dikenakan zakat atas pemilik sempurna yang baru. Adapun pembiayaan pengguna akan dikenakan zakat atas hutang yang realis;

b. Ada juga dana perniagaan yang diberikan kepada pihak lain sebagai syarat perniagaan/kemudahan seperti deposit perkhidmatan air, eletrik, telefon, deposit cagaran dan seumpamanya. Dana-dana ini akan kekal di tangan pihak lain dan merekalah yang mendapat manfaatnya dan atas merekalah pula zakat diwajibkan;

c. Hasil dari aktiviti bukan perdagangan seperti dividen yang diisytihar, sewa belum terima, *fi* perkhidmatan (caj perkhidmatan) yang belum diterima maka ia belum milik sempurna dan tidak dikenakan zakat; dan

d. Pemiutang yang telah melampaui tempoh lazim juga bererti telah hilang milik sempurna. Zakat dikirakan apabila dapat dikutip kelak.

iii. **<u>Dana Diniatkan Untuk Kebajikan</u>**

Mana-mana tabungan yang diperuntukkan untuk maksud kebajikan tidak akan dikenakan zakat atas nilai pokoknya.

iv **<u>Liabiliti Operasi</u>**

a. Sesuatu liabiliti operasi akan dikecualikan dari zakat kerana manfaat atasnya telah diperolehi atau dinikmati dan hanya menunggu ketika sahaja untuk dibayar seperti gaji, upah, telefon, air, eletrik, cukai tahun semasa dan seumpamanya; dan

b. Begitu juga dengan pembelian barangan dagangan secara kredit niaga. Dasar kredit niaga sebenarnya adalah jual-beli tunai dengan diberi tempoh terdekat untuk menjelaskan bayarannya. Kalau kredit niaga tidak dibenarkan tolakan, maka pembeli dikenakan zakat atas barang dagangan dibeli dan penjual pula akan dikenakan zakat atas pemiutang dagangan. Ini bererti dikenakan zakat dua kali dalam sistem. Maka untuk diselaraskan, hanya satu pihak dikenakan zakat iaitu pemiutang yang lebih wajar dikenakan zakat.

iv. **<u>Harta Haram Atau Tidak Suci</u>**

Harta tidak suci dan hasil haram tidak ditaksirkan zakat atasnya. Zakat adalah ibadat dan menerima dari yang suci saja. Bagaimanapun, pihak Baitulmal boleh menerima wang haram tapi diasingkan dalam tabung khas untuk manfaat umum/awam.

## 2.7 RUMUSAN

Zakat perniagaan ialah sumber dana zakat yang amat luas atau seluas bidang perniagaan itu sendiri. Perkembangan kemajuan dan kepesatan ekonomi dunia amnya dan negara kita Malaysia khususnya melebarkan lagi bidang perniagaan menjadikan bidang ini tidak bersifat statik bahkan terus dan sentiasa berkembang. Ia bakal menyumbangkan dana kutipan yang amat lumayan kepada institusi zakat. Justeru, penerangan yang jelas, menurut prinsip syariah bersandarkan kepada dalil-dalil yang kuat dan hujah-hujah yang mantap dapat membantu masyarakat memahami hal ini dan seterusnya menunaikan tanggungjawab membayar zakat perniagaan yang memenuhi syarat-syaratnya sepertimana yang telah dijelaskan di dalam bab ini.

# BAB 3

## ZAKAT PERNIAGAAN BAGI INSTITUSI PERBANKAN

***Firman Allah S.W.T .:***

ٱلَّذِينَ يَأۡكُلُونَ ٱلرِّبَوٰاْ لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ ٱلَّذِي يَتَخَبَّطُهُ ٱلشَّيۡطَٰنُ مِنَ ٱلۡمَسِّۚ ذَٰلِكَ
بِأَنَّهُمۡ قَالُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡبَيۡعُ مِثۡلُ ٱلرِّبَوٰاْۗ وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلۡبَيۡعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰاْۚ فَمَن جَآءَهُۥ مَوۡعِظَةٞ مِّن رَّبِّهِۦ
فَٱنتَهَىٰ فَلَهُۥ مَا سَلَفَ وَأَمۡرُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِۖ وَمَنۡ عَادَ فَأُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِۖ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ
٢٧٥

*Mafhumnya :*

*Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa Sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.*

*(Surah Al-Baqarah, 2: Ayat 275)*

## 3.1 PENGENALAN

Perbankan Islam merujuk kepada sistem perbankan yang berdasarkan kepada undang-undang Islam (syariah), iaitu berasaskan kepada *fiqh* muamalat yang berasal dari sumber hukum yang utama iaitu Al-Quran dan As-Sunnah dan sumber undang-undang Islam sekunder yang lain seperti kesepakatan pendapat oleh ulama mujtahid tentang sesuatu hukum syariah (*ijma'*). Dalam erti kata lain, perbankan Islam merujuk kepada perbankan yang bebas dari unsur riba, penipuan (*gharar*) dan judi (*maysir*). Pengharaman riba telah dinyatakan dengan jelas oleh Allah S.W.T. dalam Al-Quran menerusi surah Al-Baqarah ayat 275 :

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

*Mafhumnya: "Allah telah menghalalkan berjual beli dan mengharamkan riba..."*

*(Al-Baqarah 2 : Ayat 275)*

## 3.2 SYARAT-SYARAT ZAKAT PERNIAGAAN BAGI INSTITUSI PERBANKAN BERASASKAN *FINANCIAL ACCOUNTING STANDARD (FAS) 9, ACCOUNTING AND AUDITING ORGANIZATION FOR ISLAMIC FINANCIAL INSTITUTIONS (AAOIFI)* SERTA ULASAN PERBANDINGAN DENGAN PENAKSIRAN DI MALAYSIA

Berasaskan FAS 9 AAOIFI, syarat-syarat zakat perniagaan untuk institusi perbankan Islam adalah seperti berikut:

### i. Hak Milik Tidak Bersyarat (*Unencumbered Possession*)

Pemilik mesti berkuasa untuk melupuskan aset milikannya. Sesuatu aset yang tidak diketahui di mana ia berada atau tidak dapat dilupuskannya maka tiada zakat ke atas aset itu. Begitu juga tiada zakat ke atas dana awam, dana wakaf untuk tujuan kebajikan, dana badan kebajikan kerana dana-dana ini tidak mempunyai pemilik yang khusus dan/atau perbelanjaannya adalah untuk manfaat masyarakat. Bagaimanapun, bagi dana wakaf yang khusus untuk ahli keluarga tertentu, ianya adalah tertakluk kepada zakat.

Syarat ini merujuk kepada Aset Hak Milik Sempurna. Namun huraian dalam FAS 9 tidak menghuraikan persoalan Aset Hak Milik Sempurna. Perkara ini penting diperincikan atau diambil kira bagi maksud penaksiran zakat kerana dalam penyediaan penyata kewangan, item-item dalam akaun tidak membezakan aset milik "sempurna" dan aset milik "tidak sempurna". Perakaunan aset hanya berasaskan syarat milik sahaja.

Dalam penaksiran Malaysia, perkara ini dihuraikan dan hanya aset semasa yang milik sempurna akan tertakluk kepada taksiran zakat. Begitu juga dalam liabiliti semasa, terdapat item akaun yang merujuk kepada item-item milik sempurna yang menjadi sumber dalam perniagaan maka tidak wajar ditolak dari aset semasa.

Adapun untuk institusi kewangan, akaun-akaun simpanan berasaskan *Al-Wadiah* adalah tidak memenuhi syarat milik sempurna kepada bank. Begitu juga dengan skim kredit jangka panjang atau berjangka, ia tidak memenuhi syarat milik sempurna. Hanya wang atau kutipan kredit dalam tahun taksiran sahaja yang milik sempurna. Selebihnya akan dikutip dalam tempoh-tempoh yang berkenaan.

**ii. Berkembang (*Growth In Real Terms Or By Estimation*).**

Berkembang (*Al-Nama'*) secara sebenar adalah seperti ternakan yang membiak. Manakala berkembang secara anggaran adalah mengikut potensi atau penilaian bersamaan nilai tunai, termasuk emas dan perak. Aset tersebut akan menjadi modal perniagaan untuk menjana keuntungan.

Maka berkembang adalah merujuk kepada aktiviti perniagaan yang InsyaAllah membawa elemen keuntungan. Adapun aset tetap yang juga berpotensi untuk berkembang tidak tertakluk kepada taksiran zakat. Aset tetap yang boleh menjana hasil adalah sebagai *Al-Mustaghallat* di mana elemen hasil tunai sahaja akan diambil kira dalam penaksiran zakat. Aset tetap adalah sebagai alat membantu perniagaan.

Berhubung dengan aset bagi tujuan pelaburan (seperti anak syarikat atau pegangan saham), ia juga diillatkan seperti *Al-Mustaghallat*. Zakat bagi nilai pelaburan anak syarikat atau pegangan saham ini pula akan ditaksirkan pada anak syarikat berkenaan. Adapun pelaburan yang ditransaksi pada akhir haul menggunakan aset tunai akan ditaksirkan zakat.

### iii. Nisab

Nisab untuk emas ialah nilai 85 gm sementara untuk perak ialah 595 gm. Barangan lain adalah bersamaan dengan nilai emas. Untuk ternakan, pertanian dan hasil kulturakebunan (*horticulture*), setiap kategori mempunyai nisab tersendiri mengikut *Shar'ah*. Nisab perniagaan perbankan adalah juga bersamaan nilai semasa emas 85 gm.

### iv. Haul

Haul berasaskan tahun Qamariah (lunar/Hijriah) bermula pada hari perniagaan dilaksanakan. Untuk taksiran zakat, yang penting ialah melihat kepada baki dana di akhir haul dan bukannya nilai-nilai tahun perniagaan.

Sekiranya menggunakan tahun Shamsiah (solar masehi), maka pelarasan kadar dibuat bagi menampung (*compensate*) perbezaan hari. Kadar zakat ialah 2.5775. Ini diputuskan dalam Konferens Zakah.

### 3.2.1 Ulasan Haul Dan Kadar Zakat

Haul ini adalah asas tempoh untuk dibuat taksiran. Kadar zakat yang diperakui di Malaysia masih 2.5% walaupun haul adalah berasaskan tahun Shamsiah kerana kadar itu dinyatakan dalam hadis. Bagi perniagaan, haulnya bermula dengan mulanya perniagaan untuk tempoh satu tahun yang diguna pakai berasaskan nilai-nilai item yang terdapat pada akhir haul. Nilai-nilai akhir tahun Shamsiah ini mungkin bertambah/lebih tinggi atau berkurang/lebih rendah berbanding dengan tahun Qamariah. Maka nilai ini yang mungkin berbeza dan bukannya kadar zakat 2.5%.

Seperkara lagi yang tidak dibincangkan dalam hal haul ini ialah mengenai penggunaan tunai perniagaan pada akhir haul untuk pembelian aset tetap, pelaburan jangka panjang, derma-derma dan seumpamanya yang boleh menyebabkan nilai zakat berkurangan. Kiranya ada, maka perlu dicampurkan semula nilai-nilai penggunaan tunai itu untuk ditaksirkan zakatnya.

Selain empat syarat utama di atas, terdapat hal-hal lain yang digariskan dalam FAS 9 seperti berikut:

i. **Cukai**

Liabiliti cukai perniagaan untuk tahun semasa akan ditolak dalam penaksiran kerana ia adalah item akaun belum bayar.

Cukai perniagaan wujud dengan sebab adanya perniagaan. Maka ia ditetapkan sebagai suatu belanja yang diperlukan (diwajibkan) atas perniagaan untuk tahun operasi. Oleh yang demikian, hanya taksiran belanja cukai tahun semasa terakru sahaja yang dibenarkan sebagai tolakan. Adapun cukai tertunggak bagi tahun-tahun sebelumnya adalah dikelaskan semula sebagai sumber dan tidak ditolak dalam pelarasan.

ii. **Zakat dari Sumber Tidak Bersih (*Unlawful Or Suspect Funds*)**

Penaksiran atas sumber-sumber yang tidak bersih akan juga dilakukan tetapi ia tidak diiktiraf sebagai zakat tetapi sebagai derma untuk kebajikan sahaja.

Zakat mestilah daripada sumber yang bersih. Maka sumber hasil yang tidak bersih akan ditolak. Bagi perniagaan seperti ladang khinzir atau kilang arak, jenis perniagaan itu sendiri adalah haram. Tetapi bagi institusi kewangan konvensional seperti bank dan perniagaan perbankan adalah harus. Yang haramnya adalah bagi hasil urusniaga yang berteraskan riba dan ini boleh diubah dengan menggunakan mekanisme yang sesuai dengan syariah.

Oleh yang demikian, perbankan atau institusi kewangan konvensional juga wajib membayar zakat tertakluk kepada pelarasan atas sumber-sumber yang haram. Demikianlah juga koperasi yang ada menawarkan skim kredit konvensional, mereka juga wajib membayar zakat perniagaan setelah dibuat pelarasan.

### iii. Syarat-Syarat Zakat Ke Atas Aset Dagangan (Trading Assets)

Kebanyakan dana dalam perbankan Islam, termasuk tunai, adalah tertakluk kepada zakat. Mengenai aset dagangan, ianya meliputi item yang dibeli untuk jualan semula (*resale*) dan bahan mentah yang dibeli untuk perkilangan dan kemudian dijual.

Untuk perkilangan dan pembangunan hartanah, sifat-sifat barangan (bahan mentah, bahan binaan) itu belum berada dalam keadaan untuk ianya dijual beli/dagangan. Maka nilai ini boleh ditolak. Begitu juga bagi stok barang dagangan yang usang, maka nilai barangan ini boleh ditolak. Dalam sektor pembinaan pula, ada kalanya binaan yang telah disiapkan tetapi tidak dapat atau lambat untuk dijual, maka nilai binaan ini boleh ditolak. Pada tahun ianya dijual kelak maka ia akan tertakluk kepada taksiran tahun-tahun berkenaan. Dalam keadaan ekonomi yang baik, binaan yang telah siap akan dikelaskan sebagai aset dagangan juga.

Pada amnya, aset dagangan diperolehi melalui belian dan tukaran. Aset yang diperolehi melalui warisan atau derma tidak dianggap sebagai aset dagangan. Aset sedemikian apabila dijual secara tunai kelak akan tertakluk kepada zakat wang tunai.

Dalam perniagaan, sesuatu yang diterima sebagai sumber dalam perniagaan, tidak kira sama ada ia dalam bentuk sumber saham, pembiayaan, pinjaman ataupun sebagai hadiah, maka ia akan tertakluk kepada peraturan taksiran zakat. Kalau yang diterima adalah aset tetap, maka aset tetap tidak tertakluk kepada zakat. Kalau yang diterima adalah geran tunai, maka tunai adalah tertakluk kepada taksiran zakat.

Zakat perniagaan berbeza dengan zakat individu. Kalau individu menerima hadiah tunai yang lumayan dan melepasi nisab, maka zakat boleh terus ditaksir atau dijumlahkan dengan sumber *Mal-Mustafad* yang lain di akhir haul.

Aset dagangan ini merupakan sebahagian daripada aset dalam pegangan perniagaan. Item yang diperolehi sebagai aset tetap tidak tertakluk kepada zakat aset dagangan. Aset

tetap yang kemudiannya dijual akan tertakluk kepada zakat wang tunai hanya kalau memenuhi syarat nisab dan tunai itu masih ada pada akhir haul.

Aset dagangan yang kemudiannya digunakan sebagai aset tetap tidak lagi menjadi aset dagangan. Mazhab Maliki ada membuat perbezaan di antara aset dagangan semasa dan aset dagangan untuk masa hadapan. Mereka berpandangan bahawa sesuatu aset dagangan yang dipegang untuk perniagaan di masa hadapan akan hanya dikenakan zakat apabila aset itu dijual kelak.

Adapun operasi perbankan di Malaysia, item aset perdagangan adalah tidak releven kerana perbankan tidak terlibat dalam aktiviti peruncitan atau pemborongan. Perbankan di Malaysia tertumpu kepada aktiviti pembiayaan (*financing*). Perbankan di Timur Tengah sememangnya terlibat dalam perdagangan.

**iv. Penilaian Aset Dagangan (*Valuation Of Trading Assets*)**

Bagi maksud penaksiran zakat, aset dagangan akan dinilai berasaskan harga jualan tunai (*cash equivalent value*) dan tidak pada asas kos sejarah. Ini bertujuan agar asas zakat itu akan meliputi kos sejarah dan juga laba (*holding gains/ losses*). Ini berpandukan Fatwa Seminar Ke-7, Isu-isu Kontemporari Zakat, Kuwait 1997.

Pandangan Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad ialah pada harga jualannya. Imam As-Shafie pula merujuk kepada harga pembeliannya. Ibn Hazm berkata penilaian berdasarkan kenaikan atau turunnya secara mendadak di akhir haul atau selepas sahaja akhir haul. Penilaian aset dagangan dalam amalan perakaunan semasa berasaskan kepada nilai terendah antara kos atau pasaran (TAKAP). Sifat konservatif ini boleh dirujuk pada amalan menolak penghutang yang diragui kebolehkutipannya dan juga terhadap stok dagangan yang usang. Bagi perniagaan yang baik dan maju, pusing ganti stok dagangan adalah cepat/tinggi maka nilainya memang mencerminkan nilai-nilai semasa.

Perbankan di Malaysia sesuai menumpukan nilai aset kewangan dan ini adalah berdasarkan standard piawaian perakaunan sedia ada.

v. **Bayaran Zakat - Atas Aset Atau Nilai Aset**

Pada dasarnya, zakat dibayar berasaskan nilainya. Ini berasaskan keterangan yang diriwayatkan dari Umar R.A., Jabir bin Zayd R.A. dan Maymoon bin Mahran R.A. Bagaimanapun, pembayaran zakat menggunakan aset dagangan dibenarkan, terutama dalam keadaan masalah kurang kecairan. Ini merujuk kepada Fatwa Seminar Pertama Isu-isu Kontemporari Zakat, Kaherah 1988. Zakat boleh dibayar dengan nilai tunai dan dalam keadaan tertentu boleh juga dibayar dari barangan atau ‘ainnya.

vi. **Zakat Atas Penghutang Pihak Ketiga (*Accounts Receivable*)**

Diwajibkan zakat atas penghutang yang berkeupayaan untuk membayarnya. Bagi hutang waham atau hutang yang ada keraguan kebolehkutipannya, maka ia tidak dizakatkan. Kelak kalau dapat dikutip, maka dizakatkan atas nilai yang dapat dikutip sahaja.

Penghutang adalah merujuk kepada penghutang perdagangan sahaja (*trade receivables only*). Dalam erti kata lain, penghutang ini adalah penghutang atas perniagaan utama (*core business*). Sifatnya adalah jangka pendek (*as good as cash*) dan urus niaga kredit ini lebih sebagai menggantikan stok dagangan yang memang tertakluk kepada zakat. Kalau ada penghutang lain (sampingan) maka ia tertakluk kepada penerimaan sebenar kelak seperti perolehan dividen (*dividends receivable*) dan hasil sewaan sampingan.

Memandangkan perbankan di Malaysia tidak terlibat dalam aktiviti peruncitan, maka item penghutang perdagangan tidak begitu ketara. Yang utama adalah hutang pembiayaan.

vii. **Liabiliti/Hutang (*Debt/Liabilities*)**

Mengikut kebanyakan fuqaha, liabiliti yang akan wujud dalam tahun semasa atau tempoh masa kewangan di masa hadapan sepatutnya ditolak dari aset yang dikenakan zakat. Bagaimanapun, Shafie berpandangan bahawa hutang semasa atau di masa hadapan tidak wajar ditolak. Dalam standard ini, pandangan Shafie berhubung dengan liabiliti tempoh sederhana dan jangka panjang

diterima pakai yakni ia tidak ditolak kecuali yang liabiliti jangka pendek sahaja. Maka hanya liabiliti yang perlu dibayar dalam tahun hadapan patut ditolak. Ketetapan ini diambil dengan merujuk fatwa-fatwa dari Seminar Pertama dan Kedua Isu-isu Kontemporari Zakat dan Fatwa dari Konferens Pertama Zakat, 1984.

**ULASAN**

Terdapat pelbagai sumber atau jenis liabiliti. Perakuan penolakan hanya bagi liabiliti perdagangan dan liabiliti operasi yang berhubung kait dalam tempoh tahun taksiran zakat sahaja. Apabila penghutang perdagangan (*accounts receivable*) tertakluk kepada zakat maka secara logiknya pemiutang perdagangan (*accounts payable*) akan dibenarkan tolakan. Ini berasaskan kaedah bahawa zakat tidak dikenakan dua kali dari sumber yang sama. Liabiliti operasi lain yang terakru seperti gaji belum bayar, bil-bil telefon, eletrik, air dan seumpamanya adalah merupakan tanggungan operasi tahun taksiran semasa dan wajar ditolak.

Adapun liabiliti kewangan seperti pinjaman atau hutang berjadual untuk dibayar tahun hadapan, hutang pajakan/ijarah, Al-Bai' Bithaman Ajil dan seumpamanya, kesemuanya adalah perkara yang berhubungan dengan tahun berikutnya dan tiada berkenaan dalam tahun taksiran semasa. Hutang-hutang yang berasal dari kontrak pinjaman atau pembiayaan kredit kewangan (jangka panjang atau pendek) memenuhi syarat milik sempurna. Pandangan Imam Shafie bahawa hutang tidak ditolak adalah lebih merujuk kepada hutang kewangan yang konsisten dengan pandangan Imam Shafie berhubungan dengan harta milik sempurna (milik 'ain dan kuasa pengurusan). Pembiayaan wang adalah milik sempurna sedangkan pinjaman barangan tidak milik sempurna.

**viii. Zakat Atas Jenis Aset lain**

Keputusan dari Konferens Pertama Zakah dan Akademi Fiqh Islam ialah bahawa institusi perbankan harus menaksir dana mereka menggunakan kaedah sepertinya seorang manusia biasa. Ini bermakna bahawa penaksiran zakat akan berasaskan nisab mengikut jenis dana sama ada tunai, ternakan, pertanian, hasil kulturakebunan, barang dagangan dan sebagainya.

**a. Zakat Atas Haiwan**

Zakat atas unta, lembu, biri-biri dan kambing adalah wajib tertakluk kepada nisab dan haul. Ternakan itu tidak digunakan untuk pekerjaan (membajak, angkut air dan sebagainya). Kebanyakan fuqaha juga menetapkan bahawa ternakan itu hendaklah bebas untuk merumput tanpa diberi makanan dalam kandang. Namun Imam Maliki tidak meletakkan syarat ini. Syariah telah menetapkan nisab untuk setiap jenis ternakan.

Sekiranya haiwan dikendalikan sebagai suatu perniagaan, maka boleh ditaksir atas zakat perniagaan atau atas haiwan itu ditaksir mengikut nisabnya dan selebihnya atas nisab zakat perniagaan. Perbankan di Malaysia tidak mempunyai milik secara langsung atas industri ternakan.

**b. Zakat Atas Hasil Pertanian dan Kulturakebunan**

Mengikut Imam Hanafi, zakat diwajibkan atas semua jenis tanaman yang ditanam bagi tujuan penghasilannya. Pandangan ini merujuk kepada *Surah Al-Baqarah 2: ayat 267* dan juga hadis *Al-Bukhari*. Lain-lain mazhab ada memperincikan syarat dan pandangan masing-masing akan apa yang dizakatkan dari hasil pertanian dan kulturakebunan. Nisab hasil pertanian dan kulturakebunan ialah 5 *awsuq* (653 kg gandum) dengan kadar zakatnya 10% kalau perairannya dibuat dari air hujan dan 5% kalau perairan secara perparitan. Kalau wujud kombinasi, maka kadarnya 7.5%. Sekiranya pertanian dikendalikan sebagai suatu perniagaan, maka boleh ditaksir atas zakat perniagaan. Zakat di atas ini juga tidak berkaitan dengan perbankan.

**c. Laba (Gains)**

Mengikut pandangan Imam Hanafi, zakat dibayar berasaskan nilai baki modal kerja pada akhir haul, termasuk laba dari penggunaan modal kerja seperti keuntungan atau penambahan dalam ternakan. Pandangan Imam Hanafi digunakan kerana terdapat pelbagai pandangan berkenaan permasalahan zakat dikenakan atas laba.

Tumpuan utama asas zakat adalah pada perniagaan utama (*core business*). Lain-lain sumber perlu dilihat pada nilai

sebenar iaitu kepada item-item aset yang benar-benar dapat digunakan dalam operasi perniagaan.

## 3.3 ISU DANA PENDEPOSIT DAN DANA PEMEGANG SAHAM

Ada pihak menyatakan bahawa wang deposit pelanggan adalah milik sempurna pada perbankan. Mereka telah mengguna pakai hadis yang bermaksud "*......tidak dihimpunkan antara yang berpisah dan tidak dipisahkan antara yang berhimpun kerana takut mengeluarkan zakat...",(Riwayat Ibnu Majah)* sebagai formula taksiran zakat.

Berkemungkinan juga, prinsip "*substance over form*" telah diteliti kerana pada asasnya deposit tidak memenuhi syarat milik sempurna tetapi pihak bank telah secara efektif dapat memanfaatkan wang dari dana deposit dan dalam masa yang sama dapat memenuhi permintaan pengeluaran oleh pendeposit. Ini merupakan pandangan pihak yang melihat dari perspektif makro dan tidak dari perspektif mikro.

Ianya juga berdasarkan "*law of large numbers*" di mana pada dasarnya, bank tidak akan menghadapi masalah untuk memenuhi pelbagai keperluan perbankan dari pendeposit. Justeru para pendeposit tidak perlu lagi membayar zakat atas simpanan biasa/ semasa atau deposit *Al-Mudharabah* kerana telah diambilkira dalam taksiran zakat perniagaan perbankan.

Penggunaan kaedah semasa memudahkan pihak bank membuat taksiran zakat perniagaan kerana pada asasnya pihak bank tidak memisahkan dana dari pendeposit dengan dana pemegang saham dan sumber-sumber lain yang memenuhi ciri milik sempurna. Sebahagian besar dana bagi tujuan pembiayaan atau pinjaman oleh pihak bank adalah bersumberkan dana dari pendeposit. Pihak bank berandaian bahawa tidak semua pendeposit akan mengeluarkan wang simpanan mereka secara serentak dalam satu masa manakala para pendeposit pula berkeyakinan bahawa wang mereka masih berada dalam simpanan bank kerana akad yang asal ialah *Al-Wadiah* (simpanan) dan bukannya berbentuk pinjaman kepada pihak bank atau saham.

### 3.3.1 Pandangan Dari Sudut Syarak

Pandangan daripada beberapa tokoh ilmuwan Islam dari sudut syarak berhubung taksiran zakat dan ada kaitan dengan perbankan boleh diringkaskan seperti berikut:

### i. Harta Yang Dihutangkan Kepada Orang Kaya

| Harta Yang Dihutangkan Kepada Orang Kaya | Zakat Masa Wang Diterima | Zakat Tempoh Tertunggak | Asas |
|---|---|---|---|
| Imam Shafi'e | Ya | Ya | Al-Wadiah |
| Imam Hanafi | Ya | Ya | |
| Imam Hanbali | Ya | Ya | |
| Imam Malik | Ya | Tidak | |

Orang terdahulu menitipkan wang dan harta berharga kepada orang kaya bagi dipercayai untuk simpanan keselamatan (Deputi Wadiah).

### ii. Harta Yang Dihutangkan Kepada Orang Miskin

| Harta Yang Dihutangkan Kepada Orang Miskin | Zakat Masa Wang Diterima | Zakat Tempoh Tertunggak | Asas |
|---|---|---|---|
| Imam Shafi'e (i) | Ya | Tidak | Tiada Manfaat; Pandangan Qatadah, Abu Tsaur, Ishaq |
| Imam Shafi'e (ii) | Ya | Ya | Sama pandangan Al-Tsauri, Abu 'Ubaid |
| Imam Hanafi | Ya | Ya | Sama pandangan Al-Tsauri, Abu 'Ubaid |
| Imam Hanbali | Ya | Ya | Sama pandangan Abu 'Ubaid |
| Imam Malik | Ya | Tidak | |

### iii. Harta Yang Tidak Berada Di Tangan Pemilik

| Harta Yang Tidak Berada Di Tangan Pemilik | Zakat Masa Wang Diterima | Zakat Tempoh Tertunggak | Asas - Disamakan Dengan Harta Yang Dihutangkan Kepada Orang Fakir |
|---|---|---|---|
| Imam Shafi'e | Ya | Tidak | Tiada Manfaat; Pandangan Qatadah, Abu Tsaur, Ishaq |
| Imam Shafi'e | Ya | Ya | Sama pandangan Al-Tsauri, Abu 'Ubaid |
| Imam Hanafi | Ya | Ya | Sama pandangan Al-Tsauri, Abu 'Ubaid |
| Imam Hanbali | Ya | Ya | Sama pandangan Abu 'Ubaid |
| Imam Malik | Ya | Tidak | |

### iv. Harta Yang Jauh Daripada Pemilik

| Harta Yang Jauh Daripada Pemilik | Zakat Masa Wang Diterima | Zakat Tempoh Tertunggak | Asas - Disamakan Dengan Harta Yang Dihutangkan Kepada Orang Fakir |
|---|---|---|---|
| Imam Shafi'e | Ya | Tidak | Tiada Manfaat; Pandangan Qatadah, Abu Tsaur, Ishaq |
| Imam Shafi'e | Ya | Ya | Sama pandangan Al-Tsauri, Abu 'Ubaid |
| Imam Hanafi | Ya | Ya | Sama pandangan Al-Tsauri, Abu 'Ubaid |
| Imam Hanbali | Ya | Ya | Sama pandangan Abu 'Ubaid |
| Imam Malik | Ya | Tidak | |

Ulama' Syeikh As-Sayyid, dalam kitab Panduan Zakat ada membuat huraian berikut:

### v. Harta Yang Dihutangkan Kepada Orang Lain

| (a) Harta Yang Dihutangkan (Tiada Masalah) | Zakat Dibayar | Zakat Tempoh Tertunggak | Asas |
|---|---|---|---|
| Pendapat Pertama | Ketika Wang Diterima | Ya | Pemilikan sempurna bila mendapat kembali wang (Ali, Ats-Tsauri, Abu Tsaur, Hanafiyyah, Hanabilah) |
| Pendapat Kedua | Setiap Cukup Haul | - | Milik sempurna, dapat diperolehi dan diguna bila-bila masa seperti wang titipan. (Utsman, Ibnu Umar, Jabir, Thawus, An-Nakha'i, A-Hasan, Az-Zuhri, Qatadah,Asy-Syafi'i) |
| Pendapat Ketiga | Tidak | Tidak | Harta tak berkembang, kegunaan sendiri, bukan untuk niaga (Ikrimah, Aisyah, Ibnu Umar) |
| Pendapat Keempat | Cukup Haul Selepas Terima Wang | Tidak | (Sa'id bin Al-Musayyib, 'Atha' bin Abi Rabbah) |

| (b) Harta Yang Dihutangkan (Ada Masalah) | Zakat Dibayar | Zakat Tempoh Tertunggak | Asas |
|---|---|---|---|
| Pendapat Sebahagian Ulama | Tidak Wajib | Tidak | Pemilik tiada manfaat (Qatadah, Ishak, Abu Tsaur, Hanafiyyah) |
| Pendapat Sebahagian Lain | Ketika Terima Kembali wang | Ya | Milik pemiutang yang biasa ia gunakan iaitu sama seperti memberi hutang kepada orang yang mampu (Ats-Tsauri, Abu Ubaid, Imam Asy-Shafi'i) |
| Pendapat Ketiga | Cukup Haul Selepas Terima Wang | Tidak | ('Umar Abdul Aziz, Al-Hasan, Al-Laits, Al-Auza'I, Malik) |

Justeru, penggunaan kaedah penaksiran semasa yang diguna pakai oleh pihak bank adalah dengan hanya mengambil kira zakat ke atas perniagaan perbankan sahaja. Bagi wang simpanan pendeposit, ianya merupakan tanggungjawab pendeposit untuk mengeluarkan zakat ke atas simpanan masing-masing kerana wang simpanan merupakan hak pendeposit dan pihak bank tidak sewajarnya mengenakan zakat ke atas wang simpanan mereka. Zakat wang simpanan pendeposit adalah tertakluk kepada nilai terendah terkumpul semua wang simpanan dalam setahun. Begitu juga simpanan *Mudharabah* adalah tanggungjawab pendeposit sebagai pemilik dana (*Sahib Al-Mal*) mengikut haul pendeposit masing-masing. Bank ada haulnya dan para pendepositor juga ada haul masing-masing.

## 3.4 KAEDAH PENENTUAN ASAS ZAKAT DALAM *"FINANCIAL ACCOUNTING STANDARD (FAS) 9 AAOIFI"*

### 3.4.1 Kaedah *Fuqaha* / Kaedah Aset Bersih (*Net Assets Method*)

| | |
|---|---|
| **ASAS ZAKAT =** | **(Aset-aset tertakluk kepada zakat) – (liabiliti yang perlu dibayar pada akhir tahun seperti dalam Kunci Kira-Kira + ekuiti akaun pelaburan tak terhad + kepentingan minoriti + ekuiti milik Kerajaan + ekuiti dana wakaf + ekuiti milik badan kebajikan + ekuiti organisasi bukan motif keuntungan tetapi tidak termasuk yang dimiliki individu)** |

Aset-aset tertakluk kepada zakat adalah termasuk tunai dan bersamaan tunai, penghutang bersih, aset dagangan (inventori, sekuriti boleh pasar, "*real estate*" dan sebagainya), aset pembiayaan (untuk *Mudharabah, Musharaka, Salam, Istisna'a* dan sebagainya).

Aplikasi kaedah ini memerlukan penilaian terhadap komoditi aset-aset pada harga pasaran yang terdapat dalam Kunci Kira-Kira dan mengambil kira apa-apa yang wajar dicampurkan atau ditolakkan dari asas zakat.

### 3.4.2 Kaedah Dana Pelaburan Bersih (*Net Invested Funds Method*)

| | |
|---|---|
| **ASAS ZAKAT =** | **(Modal berbayar + rezab + peruntukan tidak ditolak dari aset + keuntungan terkumpul + keuntungan bersih + liabiliti yang tidak akan matang dalam tahun berakhir dalam Kunci Kira-Kira) – (aset tetap bersih + pelaburan bukan untuk perdagangan (seperti bangunan untuk sewaan) + kerugian terkumpul)** |

Kaedah ini digunakan oleh sesetengah organisasi Kerajaan dalam penaksiran zakat dan diterangkan dalam FAS 9.

**ULASAN**

Kedua-dua kaedah ini berbeza pendekatannya tetapi memberikan jawapan yang sama. Kaedah-kaedah ini masih berasaskan kepada penyata kewangan yang disediakan berpandukan standard-standard perakaunan konvensional. Oleh yang demikian, FAS 9 perlu peka akan perbezaan yang wujud dalam definisi aset dan liabiliti yang terdapat dalam perakaunan konvensional dengan tujuan pelaporannya yang berbeza. FAS 9 juga lebih tertumpu kepada model perbankan di Timur Tengah.

## 3.5 CONTOH ITEM PELARASAN BERASASKAN KAEDAH TAKSIRAN MALAYSIA (SEMUA INDUSTRI)

### 3.5.1 Bermula Dengan Nilai Modal Berkembang = Nilai Modal Kerja (Urfiyyah = Syar'iyyah)

**A. Pelarasan Kepada**: **Aset Semasa**

Aset Semasa yang dikenakan zakat antaranya adalah Penghutang Perdagangan (bersih), Stok Niaga (bersih), pelbagai Sekuriti Pelaburan Jangka Pendek, Deposit Tetap/Akaun Pelaburan di bank lain (tidak bersyarat), dan Tunai. Aset semasa ini mengambil kira perkara-perkara berikut:

i. Derma-derma dari sumber dana operasi yang dibuat pada sukuan terakhir tahun kewangan perniagaan perlu dibersihkan dahulu dengan zakat; dan

ii. Pembelian aset tetap dan aset bukan semasa (pelaburan) pada akhir tahun kewangan/akhir *haul* dengan menggunakan dana operasi dalaman akan tertakluk kepada taksiran zakat.

Manakala Aset Semasa yang tidak dikenakan zakat antaranya adalah:

i. Penghutang lain seperti:
   a. Pinjaman-pinjaman diberi (Milik Tak Sempurna)
   b. Prabayar – Aset Insurans, cukai atas aset dan kenderaan (Aset Bukan Niaga)
   c. Pendahuluan/Deposit – untuk beli aset tetap (Milik Tak Sempurna)

d. Pelbagai deposit yang rencam – telefon, air, elektrik, sewa bangunan, projek (Milik Tak Sempurna)
e. Hasil-hasil dari aset Al-Mustaghallat yang belum terima – Sewaaan, dividen yang belum diperolehi (Milik Tak Sempurna)

ii. Aset bekalan - pakai habis (Aset Bukan Niaga)

iii. Aset Bahan mentah (Aset Bukan Niaga)

iv. Aset Kerja dalam proses (Aset Bukan Niaga)

v. Wang simpanan biasa - akad simpanan amanah (Milik Tak Sempurna)

vi. Deposit Tetap sebagai cagaran untuk kemudahan kewangan - (Milik Tak Sempurna)

vii. Penghutang ragu yang khusus (Milik Tak Sempurna)

viii. Stok niaga yang tidak bergerak atau tidak laku lagi / stok usang (Tidak diniagakan lagi. Kalau dijual kelak, akan dikenakan zakat pada tahun berkenaan)

ix. Dana Kebajikan (Bukan Niat Niaga)

x. Hasil faedah, dividen sumber haram (Hasil Tak Suci)

xi. Dividen yang telah diterima dari sumber yang telah bayar zakat (Hasil yang sudah bersih zakat; tidak dizakat dua kali)

xii. Skim Kredit Belum Terima (untuk tahun hadapan) yang dikelaskan dalam aset semasa (kalau pun ada)

**B. Pelarasan Kepada**: **Liabiliti Semasa**

i. Liabiliti Semasa Yang DiBenarkan Tolakan:

Pemiutang Perdagangan, Liabiliti Pelbagai Belanja Terakru, Cukai Perniagaan Semasa sahaja, lain-lain liabiliti yang diwajibkan atas perniagaan). Yang tidak dibenarkan perlu dicampurkan seperti berikut:

**Pengiraan**

Liabiliti Semasa yang dibuat hendaklah mengambil kira beberapa perkara berikut:

**Dicampur**:

i. Lain-lain Pemiutang seperti:
   a. Pinjaman dari pihak lain (Sumber Milik Sempurna)
   b. Deposit pelbagai diterima (Sumber Milik Sempurna)
   c. Prabayar-prabayar yang diterima (Sumber Milik Sempurna)
   d. Liabiliti-liabiliti lain yang tertunggak - dari liabiliti operasi menjadi Sumber Milik Sempurna.

ii. Liabiliti Kewangan Untuk Tahun Hadapan - urusan tahun hadapan; taksiran zakat adalah untuk tahun semasa operasi seperti:
   a. Sewa Beli/*Hire Purchase*
   b. Ijarah Thumma Al-Bai'/ jarah Wal Iktina'
   c. Pajakan Kewangan
   d. Pinjaman Berjangka
   e. Al Bai' Bithaman Ajil
   f. Overdraf, Nota Belum Bayar, Instrument Liabiliti Kewangan Jangka Pendek

iii. Cukai Tertunggak dicampur semula dan ditolakkan cukai semasa sahaja (Liabiliti Operasi Sahaja, Cukai Tertunggak adalah sebagai sumber).

iv. Dividen belum bayar; Pulangan atas yuran; Pulangan atas "simpanan wajib" dan Honorarium belum bayar (Dijelaskan zakat terlebih dahulu).

**A. Formula Taksiran Zakat Perbankan**

i. Nilai Modal Berkembang = Nilai Modal Kerja (i.e. AS – LS) = RM xxxx

ii. Pelarasan Kepada Aset Semasa (AS):

| | | |
|---|---|---|
| Ditolak | : | RM xxx |
| Dicampur | : | RM xxx |
| | | RM xxxx |

iii. Pelarasan Kepada Liabiliti Semasa (LS):

| | | |
|---|---|---|
| Dicampur | : | RM xxx |
| | | RM xxxx |

| | |
|---|---|
| Nilai Tertakluk Kepada Nisab (Nilai Kena Zakat = A + B + C) RM xxxx | |
| Jika Menepati Nisab, Maka Darab dengan kadar zakat perniagaan | 2.5 % |
| Kemudian di Darab dengan % Milik Syarikat Bank (contoh 12%) | 0.12 |
| **NILAI ZAKAT** | **RM xxxx** |

Dalam perbankan Islam, zakat perniagaan bank adalah merupakan tanggungjawab dan ciri perbankan Islam manakala dalam perniagaan biasa, zakat perniagaan adalah tertakluk kepada ciri pemilikan Muslim serta pengesahan "halal" yang tertumpu pada hasil pengeluaran perniagaan.

## 3.6 RUMUSAN

Sistem perbankan Islam adalah salah satu alternatif kepada umat Islam dalam pengurusan kewangan berasaskan prinsip syariah. Semenjak ia diperkenalkan sehingga ke hari ini, sambutan di kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam terhadap produk-produk yang ditawarkan begitu membanggakan. Keadaan ini mencetus kesedaran masyarakat dan pemilik institusi berkenaan mengenai kesedaran menunaikan kewajipan zakat bagi menambahkan lagi keberkatan rezeki yang diperolehi. Justeru, prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah pengiraan zakat di institusi perbankan seperti mana dijelaskan di dalam Bab ini memenuhi kehendak pihak yang berkepentingan terutamanya bagi tujuan memberikan kefahaman mengenai kaedah-kaedah taksiran dan pengiraan zakat yang selaras dan standard di kalangan mereka (pemilik perbankan).

# BAB 4

# CONTOH PENAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN BAGI INSTITUSI PERBANKAN

***Firman Allah S.W.T. :***

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ ۖ إِنَّ صَلَوٰتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ ۗ

وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

*Mafhumnya :*

*Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana Sesungguhnya doamu itu menjadi penenang bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.*

*(Surah At-Taubah, 9: 103)*

## 4.1 PENGENALAN

Bab ini secara praktikal akan memfokuskan kepada contoh-contoh pengiraan taksiran zakat perniagaan bagi sektor perbankan yang menjadi isi utama kepada Manual ini. Contoh-contoh yang dikemukakan berdasarkan "*common case*" dan amalan biasa yang berlaku di institusi perbankan.

## 4.2 CONTOH PENGIRAAN ZAKAT PERNIAGAAN BAGI SEKTOR PERBANKAN

**Contoh 1:**

Kedudukan Lembaran Imbangan bagi Bank XYZ Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 200X adalah seperti berikut:

**BANK XYZ BERHAD**
**LEMBARAN IMBANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 200X**

| | (RM) |
|---|---|
| **ASET** | |
| Aset Tetap | 1,389,261 |
| Pelaburan Jangka Panjang (Bersih) | 2,290,062 |
| Pembiayaan (Bersih) | 1,602,947,944 |
| Pelaburan Bon Korporat | 6,500,000 |
| Pelaburan Sekuriti Komersial | 64,529,189 |
| Deposit Dalam Institusi Kewangan Lain | 924,516,915 |
| Aset Lain | 1,067,330 |
| Tunai | 42,853,315 |
| | 2,646,094,016 |
| **LIABILITI** | |
| Deposit Al-Wadiah | 110,830,662 |
| Deposit Mudharabah (Semasa) | 1,125,016,328 |
| Deposit Mudharabah (Jangka Panjang) | 257,562,872 |
| Liabiliti Lain | 22,111,135 |
| Dana Kerajaan Diuruskan Bank | 894,645,721 |
| Pendahuluan-Dana Perbankan Islam | 54,854,541 |
| Rizab Berkanun | 150,645,170 |
| Pendapatan Tertahan | 30,427,587 |
| | 2,646,094,016 |

* Pendahuluan - Dana Perbankan Islam atau Modal Syer (Subsidiari)

**Nota Tambahan:**

1. Pulangan dari pelaburan yang diperolehi pada bulan Disember 200X adalah berjumlah RM475,000.00 dan nilai ini dilabur kembali dalam pelaburan jangka panjang.

2. Nilai pelaburan semasa pada bulan Disember 200X bagi Sekuriti Komersial adalah RMX5,377,432.00 manakala bagi Bon Korporat berjumlah RMX541,667.00.

## Huraian Jawapan

## A. Pengiraan Amaun Asas

i. Kaedah Nilai Modal Berkembang

| | RM | RM | +/- |
|---|---|---|---|
| **Dana Pemegang Saham** | | | |
| Pendahuluan - Dana Perbankan Islam | 54,854,541 | | |
| Rizab Berkanun | 150,645,170 | | |
| Pendapatan Tertahan | 30,427,587 | 235,927,298 | + |
| **Tanggungan** | | | |
| Dana Kerajaan Diuruskan Bank | | 894,645,721 | + |
| **Deposit Pelanggan** | | | |
| Deposit Al-Wadiah | 110,830,662 | | |
| Deposit Mudharabah (Jangka Pendek) | 1,125,016,328 | | |
| Deposit Mudharabah (Jangka Panjang) | 257,562,872 | 1,493,409,862 | + |
| **Aset Tetap** | | 1,389,261 | - |
| **Pelaburan** | | | |
| Pelaburan Jangka Panjang (Bersih) | 2,290,062 | | |
| Pelaburan Bon Korporat | 6,500,000 | | |
| Pelaburan Sekuriti Komersial | 64,529,189 | 73,319,251 | - |
| **Pembiayaan (Bersih)** | | 1,602,947,944 | - |
| | | 946,326,425 | |

ii. Kaedah Aset Semasa Bersih/Modal Kerja

| | RM | RM | +/- |
|---|---|---|---|
| **Aset Semasa** | | | |
| Tunai | 42,853,315 | | |
| Deposit Dalam Institusi Kewangan Lain | 924,516,915 | | |
| Aset Lain | 1,067,330 | 968,437,560 | + |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Liabiliti Lain | | 22,111,135 | - |
| | | 946,326,425 | |

## B. Pengiraan Zakat Yang Perlu Dibayar

| | RM |
|---|---|
| **(A) AMAUN ASAS (Nilai Modal Berkembang = Nilai Modal Kerja)** | 946,326,425 |
| **(B) PELARASAN: ASET** | |
| **Tambah:** | |
| Pelaburan Jangka Panjang (Transaksi Disember) | 475,000 |
| Pelaburan Semasa - Sekuriti Komersial (Transaksi Disember) | 5,377,432 |
| Pelaburan Semasa - Bon Korporat (Transaksi Disember) | 541,667 |
| **Tolak:** | |
| Aset Lain (Milikan Tak Sempurna) | (1,067,330) |
| **(C) PELARASAN: LIABILITI** | |
| Liabiliti Lain - sumber (andaian: 40%) | 8,844,454 |
| Nilai Kena Zakat (A + B + C) | 960,497,648 |
| Kadar Zakat | 2.50% |
| Penilaian Zakat | 24,012,441 |
| Bahagian Bank * (berdasarkan struktur dana-milik syarikat bank) | 9.30% |
| **ZAKAT KE ATAS BANK** | **2,233,157** |

## ***Nota: Struktur Dana Bank***

| * ***STRUKTUR DANA*** | **RM** | **RM** | | |
|---|---|---|---|---|
| **DANA PENDEPOSIT** | | | | |
| Deposit Al-Wadiah | 110,830,662 | | | |
| Deposit Mudharabah (Semasa) | 1,125,016,328 | | | |
| Deposit Mudharabah (Jangka Panjang) | 257,562,872 | 1,493,409,862 | 56.72 | % |
| **DANA AMANAH - KERAJAAN** | | | | |
| Dana Kerajaan Diurus Bank | | 894,645,721 | 33.98 | % |
| **DANA SYARIKAT BANK** | | | | |
| Liabiliti Lain - sumber (pelarasan: 40 %) | 8,844,454 | | | |
| Pendahuluan - Dana Perbankan Islam | 54,854,541 | | | |
| Rizab Berkanun | 150,645,170 | | | |
| Pendapatan Tertahan | 30,427,587 | 244,771,752 | **9.30** | **%** |
| | 2,632,827,335 | 2,632,827,335 | 100.00 | % |

**Contoh 2:**

Kedudukan Lembaran Imbangan bagi Bank Waqaf Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 20XX adalah seperti berikut:

**BANK WAQAF BERHAD**
**LEMBARAN IMBANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 20XX**

| | (RM '000) |
|---|---|
| **ASET** | |
| Tunai dan dana jangka pendek | 9,949,020 |
| Deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain | 193,650 |
| Sekuriti dipegang untuk dagangan | 54,459 |
| Sekuriti sedia untuk dijual | 3,435,434 |
| Sekuriti dipegang sehingga matang | 161,534 |
| Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain | 9,061,318 |
| Aset-aset lain | 183,827 |
| Deposit berkanun di BNM | 362,151 |
| Pelaburan dalam syarikat subsidiari | 15,947 |
| Hartanah dan peralatan | 127,474 |
| Pembayaran pajakan prabayar | 14,610 |
| | 23,559,424 |
| **LIABILITI** | |
| Deposit Al-Wadiah | 20,346,628 |
| Deposit Mudharabah | 58,443 |
| Bil dan penerimaan kena dibayar | 996,171 |
| Liabiliti Lain | 332,692 |
| Pembiayaan subordinat | 100,000 |
| Modal Syer | 1,308,950 |
| Rizab | 416,540 |
| | 23,559,424 |

**Nota Tambahan:**

1. Nilai transaksi sekuriti dipegang untuk dagangan pada bulan Disember 20XX adalah berjumlah RM5,550,000.00.

2. Nilai transaksi sekuriti semasa pada bulan Disember 20XX adalah berjumlah RM987,000.00

**Huraian Jawapan :**

## A. Pengiraan Amaun Asas

i. Kaedah Nilai Modal Berkembang

| | RM'000 | RM'000 | +/- |
|---|---|---|---|
| **Dana Pemegang Saham** | | | |
| Modal Syer | 1,308,950 | | |
| Rizab | 416,540 | 1,725,490 | + |
| **Tanggungan** | | - | + |
| **Deposit Pelanggan** | | | |
| Deposit Al-Wadiah | 20,346,628 | | |
| Deposit Mudharabah | 58,443 | 20,405,071 | + |
| **Aset Tetap** | | | |
| Hartanah dan peralatan | | 127,474 | - |
| **Pelaburan** | | | |
| Sekuriti dipegang untuk dagangan | 54,459 | | |
| Sekuriti sedia untuk dijual | 3,435,434 | | |
| Sekuriti dipegang sehingga matang | 161,534 | | |
| Pelaburan dalam syarikat subsidiari | 15,947 | 3,667,374 | - |
| **Pembiayaan (bersih)** | | 9,061,318 | - |
| | | 9,274,395 | |

ii. Kaedah Aset Semasa Bersih/Modal Kerja

| | RM'000 | RM'000 | +/- |
|---|---|---|---|
| **Aset Semasa** | | | |
| Tunai dan dana jangka pendek | 9,949,020 | | |
| Deposit dalam Institusi Kewangan Lain | 193,650 | | |
| Deposit berkanun di BNM | 362,151 | | |
| Aset-aset lain | 183,827 | | |
| Pembayaran pajakan prabayar | 14,610 | 10,703,258 | + |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Bil dan penerimaan kena dibayar | 996,171 | | |
| Pembiayaan subordinat | 100,000 | | |
| Liabiliti Lain | 332,692 | 1,428,863 | - |
| | | 9,274,395 | |

## B. Pengiraan Zakat Yang Perlu Dibayar

| | RM'000 |
|---|---|
| **(A) AMAUN ASAS (Nilai Modal Berkembang = Nilai Modal Kerja)** | 9,274,395 |
| **(B) PELARASAN: ASET** | |
| **Tambah:** | |
| Pelaburan - sekuriti dipegang untuk dagangan (Transaksi Disember) | 5,550 |
| Pelaburan semasa - sekuriti sedia untuk dijual (Transaksi Disember) | 987 |

| | |
|---|---|
| **Tolak:** | |
| Aset-aset lain | (183,827) |
| Pembayaran pajakan prabayar | (14,610) |
| Deposit berkanun di BNM | (362,151) |
| **(C) PELARASAN: LIABILITI** | |
| Liabiliti Lain - sumber (andaian: 40%) | 133,077 |
| Pembiayaan subordinat | 100,000 |
| Nilai Kena Zakat (A + B + C) | 8,953,421 |
| Kadar Zakat | 2.50% |
| Penilaian Zakat | 223,836 |
| Bahagian Bank * (berdasarkan stuktur dana - milik syarikat bank) | 12.65% |
| **ZAKAT KE ATAS BANK** | **28,315** |

## Nota: Struktur Dana Bank

| * STRUKTUR DANA | RM'000 | RM'000 | | |
|---|---|---|---|---|
| **DANA PENDEPOSIT** | | | | |
| Deposit Al-Wadiah | 20,346,628 | | | |
| Deposit Mudharabah (semasa) | 58,443 | 20,405,071 | 87.35 | % |
| **DANA BANK** | | | | |
| Liabiliti Lain – sumber (andaian: 40 %) | 133,077 | | | |
| Bil dan penerimaan lain kena bayar | 996,171 | | | |
| Pembiayaan subordinat | 100,000 | | | |
| Modal syer | 1,308,950 | | | |
| Rizab | 416,540 | 2,954,738 | **12.65** | **%** |
| | 23,359,809 | 23,359,809 | 100.00 | % |

**Contoh 3:**

Kedudukan Lembaran Imbangan bagi Bank Mal Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 20XX adalah seperti berikut:

**BANK MAL BERHAD**
**LEMBARAN IMBANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 20XX**

| | **(RM '000)** |
|---|---|
| **ASET** | |
| Tunai dan dana jangka pendek | 5,067,282 |
| Sekuriti sedia untuk dijual | 2,871,016 |
| Sekuriti dipegang sehingga matang | 30,891 |
| Pembiayaan (bersih) | 6,042,668 |
| Aset-aset lain | 64,797 |
| Deposit berkanun di BNM | 251,771 |
| Aset Cukai Semasa | 15,733 |
| Aset Cukai Tertunda | 35,580 |
| Pelaburan dalam syarikat subsidiari | 7,675 |
| Hartanah dan peralatan | 43,724 |
| Pembayaran pajakan prabayar | 265 |
| | 14,431,402 |
| **LIABILITI** | |
| Deposit Al-Wadiah | 12,464,698 |
| Deposit Mudharabah (semasa) | 250,425 |
| Bil dan penerimaan kena dibayar | 667,649 |
| Liabiliti Lain | 95,990 |
| Pembiayaan subordinat | 250,000 |
| Modal Syer | 500,000 |
| Rizab | 202,640 |
| | 14,431,402 |

**Nota Tambahan:**

1. Nilai transaksi pelaburan sekuriti dipegang sehingga matang pada bulan Disember 20XX adalah berjumlah RM750,000.00.

2. Nilai transaksi sekuriti semasa pada bulan Disember 20XX adalah berjumlah RM150,500,000.00.

**Huraian Jawapan:**

## A. Pengiraan Amaun Asas

i. Kaedah Nilai Modal Berkembang

| | RM'000 | RM'000 | +/- |
|---|---|---|---|
| **Dana Pemegang Saham** | | | |
| Modal Syer | 500,000 | | |
| Rizab | 202,640 | 702,640 | + |
| **Tanggungan** | - | | + |
| **Deposit Pelanggan** | | | |
| Deposit Al-Wadiah | 12,464,698 | | |
| Deposit Mudharabah (Semasa) | 250,425 | 12,715,123 | + |
| **Aset Tetap** | | | |
| Hartanah dan peralatan | | 43,724 | - |
| **Pelaburan** | | | |
| Sekuriti sedia untuk dijual | 2,871,016 | | |
| Sekuriti dipegang sehingga matang | 30,891 | | |
| Pelaburan dalam syarikat subsidiari | 7,675 | 2,909,582 | - |
| **Pembiayaan (bersih)** | | 6,042,668 | - |
| | | 4,421,789 | |

ii. Kaedah Aset Semasa Bersih/Modal Kerja

| | RM'000 | RM'000 | +/- |
|---|---|---|---|
| **Aset Semasa** | | | |
| Tunai dan dana jangka pendek | 5,067,282 | | |
| Deposit berkanun di BNM | 251,771 | | |
| Aset-aset lain | 64,797 | | |
| Aset cukai semasa | 15,733 | | |
| Aset cukai tertunda | 35,580 | | |
| Pembayaran pajakan prabayar | 265 | 5,435,428 | + |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Bil dan penerimaan kena dibayar | 667,649 | | |
| Pembiayaan subordinat | 250,000 | | |
| Liabiliti Lain | 95,990 | 1,013,639 | - |
| | | 4,421,789 | |

## B. Pengiraan Zakat Yang Perlu Dibayar

| | |
|---|---|
| | **RM'000** |
| **(A) AMAUN ASAS** **(Nilai Modal Berkembang = Nilai Modal Kerja)** | 4,421,789 |
| **(B) PELARASAN: ASET** | |
| **Tambah:** | |
| Pelaburan - sekuriti dipegang sehingga matang (Transaksi Disember) | 750 |
| Pelaburan semasa - sekuriti sedia untuk dijual (Transaksi Disember) | 150,500 |
| **Tolak:** | |
| Aset-aset lain | (64,797) |
| Aset cukai semasa | (15,733) |
| Aset cukai tertunda | (35,580) |
| Pembayaran pajakan prabayar | (265) |
| Deposit berkanun di BNM | (251,771) |
| **(C) PELARASAN: LIABILITI** | |
| Liabiliti lain - sumber (andaian: 40% ) | 38,396 |
| Pembiayaan subordinat | 250,000 |
| Nilai Kena Zakat (A + B + C) | 4,493,289 |
| Kadar Zakat | 2.50% |
| Penilaian Zakat | 112,332 |
| Bahagian Bank * (berdasarkan stuktur dana - milik syarikat bank) | 11.54% |
| **ZAKAT KE ATAS BANK** | **12,963** |

## ***Nota Struktur Dana Bank:***

| * ***STRUKTUR DANA*** | **RM'000** | **RM'000** | | |
|---|---|---|---|---|
| **DANA PENDEPOSIT** | | | | |
| Deposit Al-Wadiah | 12,464,698 | | | |
| Deposit Mudharabah (semasa) | 250,425 | 12,715,123 | 88.46 | % |
| **DANA BANK** | | | | |
| Liabiliti lain - sumber (andaian: 40 %) | 38,396 | | | |
| Bil dan penerimaan lain kena bayar | 667,649 | | | |
| Pembiayaan subordinat | 250,000 | | | |
| Modal syer | 500,000 | | | |
| Rizab | 202,640 | 1,658,685 | **11.54** | **%** |
| | 14,373,808 | 14,373,808 | 100.00 | % |

**Contoh 4:**

Kedudukan Lembaran Imbangan bagi Bank Berkat Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 20XX adalah seperti berikut:

**BANK BERKAT BERHAD**

**LEMBARAN IMBANGAN**

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 20XX**

| | **(RM '000)** |
|---|---:|
| **ASET** | |
| Tunai dan dana jangka pendek | 4,034,753 |
| Deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain | 172,956 |
| Sekuriti sedia untuk dijual | 337,728 |
| Sekuriti pelaburan jangka pendek | 6,234,008 |
| Pelaburan lain | 1,571 |
| Pembiayaan dan pendahuluan | 27,201,352 |
| Penghutang perdagangan | 3,429 |
| Inventori | 759 |
| Aset Cukai Tertunda | 174,699 |
| Pelaburan dalam syarikat subsidiari | 55,972 |
| Hartanah dan peralatan | 326,473 |
| Pembayaran pajakan prabayar | 51,042 |
| | 38,594,742 |
| **LIABILITI** | |
| Deposit Al-Wadiah | 32,512,510 |
| Deposit Mudharabah (Semasa) | 580,000 |
| Pemiutang perdagangan | 2,696 |
| Liabiliti Lain | 1,025,249 |
| Modal syer | 1,994,960 |
| Rizab | 2,479,327 |
| | 38,594,742 |

**Nota Tambahan :**

1. Nilai transaksi pelaburan sekuriti jangka pendek pada bulan Disember 20XX adalah berjumlah RM375,000.00.

2. Nilai transaksi pelaburan lain (jangka panjang) pada bulan Disember 20XX adalah berjumlah RM650,000.00.

## Huraian Jawapan:

## A. Pengiraan Amaun Asas

### i. Kaedah Nilai Modal Berkembang

| | RM'000 | RM'000 | +/- |
|---|---|---|---|
| **Dana Pemegang Saham** | | | |
| Modal syer | 1,994,960 | | |
| Rizab | 2,479,327 | 4,474,287 | + |
| **Tanggungan** | | - | + |
| **Deposit Pelanggan** | | | |
| Deposit Al-Wadiah | 32,512,510 | | |
| Deposit Mudharabah (Semasa) | 580,000 | 33,092,510 | + |
| **Aset Tetap** | | | |
| Hartanah dan peralatan | | 326,473 | - |
| **Pelaburan** | | | |
| Sekuriti sedia untuk dijual | 337,728 | | |
| Sekuriti pelaburan jangka pendek | 6,234,008 | | |
| Pelaburan dalam syarikat subsidiari | 55,972 | | |
| Pelaburan lain | 1,571 | 6,629,279 | - |
| **Pembiayaan (bersih)** | | 27,201,352 | - |
| | | 3,409,693 | |

ii. Kaedah Aset Semasa Bersih/Modal Kerja

| | RM'000 | RM'000 | +/- |
|---|---|---|---|
| **Aset Semasa** | | | |
| Tunai dan dana jangka pendek | 4,034,753 | | |
| Deposit dalam institusi kewangan lain | 172,956 | | |
| Penghutang perdagangan | 3,429 | | |
| Inventori | 759 | | |
| Aset cukai tertunda | 174,699 | | |
| Pembayaran pajakan prabayar | 51,042 | 4,437,638 | + |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Pemiutang perdagangan | 2,696 | | |
| Liabiliti Lain | 1,025,249 | 1,027,945 | - |
| | | 3,409,693 | |

## B. Pengiraan Zakat Yang Perlu Dibayar

| | RM'000 |
|---|---:|
| **(A) AMAUN ASAS (Nilai Modal Berkembang = Nilai Modal Kerja)** | 3,409,693 |
| **(B) PELARASAN: ASET** | |
| **Tambah:** | |
| Pelaburan - sekuriti jangka pendek (Transaksi Disember) | 375 |
| Pelaburan lain (jangka panjang) (Transaksi Disember) | 650 |
| **Tolak:** | |
| Aset cukai tertunda | (174,699) |
| Pembayaran pajakan prabayar | (51,042) |
| **(C) PELARASAN: LIABILITI** | |
| Liabiliti Lain - sumber (andaian: 40%) | 410,100 |
| Nilai Kena Zakat (A + B + C) | 3,595,077 |
| Kadar Zakat | 2.50% |
| Penilaian Zakat | 89,877 |
| Bahagian Bank * (berdasarkan struktur dana - milik syarikat bank) | 12.87% |
| **ZAKAT KE ATAS BANK** | **11,567** |

## Nota Struktur Dana Bank:

| * STRUKTUR DANA | RM'000 | RM'000 | | |
|---|---|---|---|---|
| **DANA PENDEPOSIT** | | | | |
| Deposit Al-Wadiah | 32,512,510 | | | |
| Deposit Mudharabah (Semasa) | 580,000 | 33,092,510 | 87.13 | % |
| **DANA BANK** | | | | |
| Liabiliti Lain-sumber (andaian : 40 %) | 410,100 | | | |
| Pemiutang perdagangan | 2,696 | | | |
| Modal syer | 1,994,960 | | | |
| Rizab | 2,479,327 | 4,887,083 | **12.87** | **%** |
| | 37,979,593 | 37,979,593 | 100.00 | % |

**Contoh 5:**

Kedudukan Lembaran Imbangan bagi Bank Sepakat Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 20XX adalah seperti berikut:

**BANK SEPAKAT BERHAD**
**LEMBARAN IMBANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 20XX**

| | (RM '000) |
|---|---:|
| **ASET** | |
| Tunai dan dana jangka pendek | 4,125,960 |
| Deposit dan simpanan di bank dan institusi kewangan lain | 421 |
| Sekuriti sedia untuk dijual | 4,102,498 |
| Pembiayaan dan pendahuluan | 25,339,016 |
| Aset Lain | 194,401 |
| Deposit berkanun di BNM | 206,000 |
| Aset Cukai Tertunda | 58,304 |
| | 34,026,600 |
| **LIABILITI** | |
| Deposit Al-Wadiah | 24,289,832 |
| Deposit Mudharabah (Semasa) | 2,947,095 |
| Deposit Mudharabah (J/Panjang) | 970,184 |
| Bil dan penerimaan kena dibayar | 3,206,071 |
| Liabiliti Lain | 54,957 |
| Modal syer | 110,500 |
| Rizab | 2,447,961 |
| | 34,026,600 |

**Nota Tambahan:**

1. Nilai transaksi pelaburan sekuriti sedia dijual pada bulan Disember 20XX adalah berjumlah RM115,000.00

## Huraian Jawapan:

## A. Pengiraan Amaun Asas

### i. Kaedah Nilai Modal Berkembang

| | RM'000 | RM'000 | +/- |
|---|---|---|---|
| **Dana Pemegang Saham** | | | |
| Modal Syer | 110,500 | | |
| Rizab Berkanun | 2,447,961 | 2,558,461 | + |
| **Tanggungan** | | - | + |
| **Deposit Pelanggan** | | | |
| Deposit Al-Wadiah | 24,289,832 | | |
| Deposit Mudharabah (Semasa) | 2,947,095 | | |
| Deposit Mudharabah (Jangka Panjang) | 970,184 | 28,207,111 | + |
| **Aset Tetap** | | - | - |
| **Pelaburan** | | | |
| Sekuriti sedia untuk dijual | | 4,102,498 | - |
| **Pembiayaan (bersih)** | | 25,339,016 | - |
| | | 1,324,058 | |

ii. Kaedah Aset Semasa Bersih/Modal Kerja

| | RM'000 | RM'000 | +/- |
|---|---|---|---|
| **Aset Semasa** | | | |
| Tunai dan dana jangka pendek | 4,125,960 | | |
| Deposit dalam Institusi Kewangan Lain | 421 | | |
| Deposit berkanun di BNM | 206,000 | | |
| Aset lain | 194,401 | | |
| Aset cukai tertunda | 58,304 | 4,585,086 | + |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Bil dan penerimaan kena dibayar | 3,206,071 | | |
| Liabiliti lain | 54,957 | 3,261,028 | - |
| | | 1,324,058 | |

## B. Pengiraan Zakat Yang Perlu Dibayar

| | |
|---|---|
| | **RM'000** |
| **(A) AMAUN ASAS (Nilai Modal Berkembang = Nilai Modal Kerja)** | 1,324,058 |
| **(B) PELARASAN: ASET** | |
| **Tambah:** | |
| Pelaburan - sekuriti sedia dijual (Transaksi Disember) | 115 |
| **Tolak :** | |
| Aset Lain-lain (Milikan Tak Sempurna) | (194,401) |
| Aset cukai tertunda | (58,304) |
| Deposit berkanun di BNM | (206,000) |
| **(C) PELARASAN : LIABILITI** | |
| Bil dan penerimaan kena dibayar | 3,206,071 |
| Liabiliti Lain-lain - sumber (andaian: 40%) | 21,983 |
| Nilai Kena Zakat (A + B + C) | 4,093,522 |
| Kadar Zakat | 2.50% |
| Penilaian Zakat | 102,338 |
| Bahagian Bank* (berdasarkan struktur dana - milik Muslim) | 17.02% |
| **ZAKAT KE ATAS BANK** | **17,418** |

## ***Nota Struktur Dana Bank:***

| * **STRUKTUR DANA** | **RM'000** | **RM'000** | | |
|---|---|---|---|---|
| **DANA PENDEPOSIT** | | | | |
| Deposit Al-Wadiah | 24,289,832 | | | |
| Deposit Mudharabah (Semasa) | 2,947,095 | 28,207,111 | 82.98 | % |
| Deposit Mudharabah (Jangka Panjang) | 970,184 | | | |
| **DANA BANK** | | | | |
| Liabiliti lain - sumber (andaian: 40 %) | 21,983 | | | |
| Bil dan penerimaan kena dibayar | 3,206,071 | | | |
| Modal syer | 110,500 | | | |
| Rizab | 2,447,961 | 5,786,515 | **17.02** | **%** |
| | 33,993,626 | 33,993,626 | 100.00 | % |

## 4.3 RUMUSAN

Institusi perbankan adalah antara salah satu institusi perniagaan yang mudah terdedah kepada unsur-unsur syubhah dan bercanggah dengan prinsip-prinsip syariah. Justeru itu, tanggungjawab menunaikan zakat terutama di dalam bidang perniagaan yang melibatkan institusi perbankan dibuat secara teliti, telus dan penuh berhati-hati. Ia amat penting bagi mengelakkan sumber-sumber yang tidak layak dan benar apatah lagi sumber yang haram termasuk di dalam kiraan dan taksiran zakat.

# BAB 5

BAB 5

## PENUTUP

***Firman Allah S.W.T.:***

ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ أَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُوا۟ بِٱلْمَعْرُوفِ
وَنَهَوْا۟ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَٰقِبَةُ ٱلْأُمُورِ ﴿٤١﴾

*Mafhumnya :*

*(Orang-Orang beriman sifatnya) Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan Segala urusan.*

*(Surah Al-Hajj, 22: Ayat 41)*

Zakat perniagaan di institusi kewangan dan perbankan di negara kita Malaysia telah diterima dan dikenal pasti sebagai salah satu sumber baru yang mampu memberikan sumbangan yang besar kepada dana zakat. Pengenalan produk-produk baru sistem kewangan berteraskan prinsip-prinsip syariah semakin hari semakin berjaya menarik minat bukan sahaja masyarakat Islam bahkan juga bukan Islam untuk melanggan produk-produk berkenaan. Masyarakat Islam yang melanggan dan mengambil produk-produk berkenaan sudah semestinya merasa suatu kepuasan dapat bermuamalat dengan produk menepati syariah manakala institusi perbankan seharusnya berbangga dapat menyumbang kepada peningkatan tahap sosio-ekonomi ummah melalui pembayaran zakat.

Minat dan sambutan masyarakat Islam dan bukan Islam serta keprihatinan pihak yang berkepentingan dalam institusi kewangan dan perbankan terhadap tanggungjawab dan tuntutan syariah telah menghasilkan respon yang amat positif dalam menunaikan kewajipan zakat perniagaan. Seruan tuntutan agar menunaikan kewajipan zakat ke atas institusi kewangan dan perbankan Islam telah menjadi desakan besar kepada pemilik dan pengendali sistem kewangan dan perbankan berasaskan syariah. Desakan ini telah disahut secara positif dan penuh tanggungjawab oleh pihak-pihak yang berkenaan. Mereka telah berusaha gigih membuat penyelidikan bagi memperkenalkan kaedah-kaedah yang diguna pakai untuk membuat taksiran dan pengiraan zakat di institusi masing-masing. Kesannya, wujud pendekatan dan kaedah-kaedah yang pelbagai dalam membuat pengiraan zakat.

Justeru, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) berusaha mengambil inisiatif untuk merapatkan jurang perbezaan dalam kaedah pengiraan zakat di institusi kewangan dan perbankan Islam berkenaan. Seterusnya memperkenalkan panduan kaedah yang seragam untuk diguna pakai oleh semua pihak yang bertanggungjawab di institusi berkaitan. Kemunculan MPZP ini menjadi hasrat dan JAWHAR menaruh harapan yang tinggi agar MPZP ini menjadi satu dokumen rujukan kepada orang perseorangan, pengamal perbankan dan institusi kewangan berteraskan syariah Islam terutamanya dalam aspek kaedah pengiraan zakat.

JAWHAR berpandangan bahawa MPZP ini sentiasa terbuka untuk ditambahbaik pada mana-mana bahagian dan pada bila-bila masa oleh mana-mana pihak. JAWHAR amat mengalu-alukan sebarang pendapat atau pandangan yang membina bagi memperkemas lagi MPZP ini. Semoga MPZP yang dihasilkan ini memberikan manfaat untuk masyarakat seluruhnya.